



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ROSLIDA BINTI MAT SAID  
PENGURUS PERPUSTAKAAN MUHAMMAD AL-FATEH**

**OLEH:**

<b>AFIQAH NURFARHANA BINTI ROSLAN</b>	<b>2017275872</b>
<b>NUR SYAHIRA BINTI AB RASID</b>	<b>2016598099</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum

Ahamdulillah bersyukur kami kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya kami berjaya menyiapkan tugas yang diberikan dengan sempurna dan tepat waktu. Walaupun pelbagai rintangan yang perlu ditempuhi, tapi dengan izin Ilahi kami dapat harunginya dengan baik dan lancar. Dengan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan seperti batuk, demam dan selsema tetapi ia dipemudahkan semuanya hinggalah hari menghantar tugas berkumpulan ini.

Kami berdua juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan tugas ini tanpa mengeluh. Segala ilmu yang diberikan oleh Puan tidak dapat kami lupakan sepanjang hidup kami. Terima kasih kerana memberi ilmu yang sangat tinggi nilainya.

Untuk Puan Roslida Mat Said, terima kasih juga kerana memudahkan wawancara tugas ini. Hanya Tuhan dapat membalas jasa puan kerana telah banyak membantu kami dari awal perkenalan hingga kini. Beliau telah memberikan pelbagai info penting yang perlu dalam menyiapkan tugas ini dengan baik dan memberi sepenuh kerjasama sepanjang wawancara tersebut. Segala info-info dan maklumat yang diberikan akan digunakan dengan sebaik mungkin.

Akhir sekali, kepada kedua ibubapa kami, terima kasih kerana sering bertanya khabar tentang keadaan diri kami yang jauh dari keluarga dan banyak tugas yang perlu diberikan. Terima kasih kerana tidak putus-putus memberikan sokongan, serta kirimkan doa untuk kami supaya pelajaran dan segala tugas kami berjalan dengan lancar. Tidak juga lupa juga kepada rakan sekelas yang baik hati, yang tidak lokek berkongsi ilmu dalam menyiapkan tugas ini kerana banyak membantu. Semoga kalian juga Berjaya menyiapkan tugas ini dengan baik dan semoga kita semua lulus dengan cemerlang untuk subjek ini dan subjek lain. Amin.

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	I
ISI KANDUNGAN.....	II-III
ABSTRAK.....	1
PENGENALAN.....	2-3
BIODATA TOKOH.....	4
<b>TRANSKRIP</b> .....	1
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG .....	2-4
BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL .....	4-7
BAHAGIAN C: KERJAYA TERKINI .....	7-9
BAHAGIAN D: SEJARAH BANGUNAN.....	9-29
BAHAGIAN E: REKABENTUK BANGUNAN.....	29-40
BAHAGIAN F: KONSEP BANGUNAN .....	40-46
BAHAGIAN G: PESANAN DAN HARAPAN.....	46-49
RUJUKAN.....	50-51
<b>LAMPIRAN</b> .....	52
LOG WAWANCARA.....	53-56
DIARI KAJIAN.....	57-58
SENARAI SOALAN.....	59-67
SURAT PERJANJIAN .....	68-69

SESI BERGAMBAR .....70-71

INDEKS ..... 72-73

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** Wawancara ini merupakan penglibatan antara pelajar bersama tokoh iaitu Puan Roslida Mat Said mengenai sejarah bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh. Transkrip temubual ini dijalankan di bilik mesyuarat Perpustakaan Muhammad Al-Fateh, Machang, Kelantan iaitu pada hari Ahad, 18 November 2018 selama 1 jam lebih bermula jam 2:00 petang. Puan Roslida Mat Said merupakan seorang pengurus di perpustakaan tersebut. Temubual ini mengambil tahu serba sedikit tentang latar belakang Puan Roslida Mat Said. Ketika temuramah ini dijalankan, kami perolehi pelbagai perkongsian maklumat mengenai perpustakaan Muhammad Al-Fateh. Bermula dengan sejarah bangunan perpustakaan diikuti pengalaman dan cabaran sepanjang mengusahakan perpustakaan tersebut. Beliau juga memberitahu tentang konsep 3R yang digunakan dalam pembinaan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh. Puan Roslida Mat Said juga turut berkongsi harapan dan nasihat beliau terhadap Perpustakaan Muhammad Al-Fateh.

**Kata Kunci:** Perpustakaan Muhammad Al-Fateh, Konsep 3R, Tradisional.



# **PENGENALAN**

## PENGENALAN



Sejarah lisan adalah tentang wawancara bersama seseorang tokoh yang banyak memberi sumbangan atau mengetahui tentang sejarah-sejarah lama yang telah mereka lalui. Bersama rakan kumulan, iaitu Afiqah Nurfarhana Binti Roslan dan Nur Syahira Binti Ab Rasid telah melakukan sesi temubual untuk menyiapkan transkrip bersama Roslida Binti Mat Said atau lebih mesra dipanggil sebagai Kak Ida ini dijalankan pada hari Ahad iaitu 18 November 2018 pada jam 2 petang bertempat di bilik mesyuarat Perpustakaan Muhammad Al-Fateh, Machang, Kelantan. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang sejarah bangunan yang dibina selama bertahun ini iaitu Perpustakaan Muhammad Al-Fateh.

Perpustakaan Muhammad Al-Fateh yang terletak di Machang, Kelantan merupakan perpustakaan digital yang reka bentuknya dibina seperti rumah tradisional Melayu. Pada dinding Perpustakaan Muhammad Al-Fateh, ia terdapat maklumat-maklumat berkaitan dengan Sultan Muhammad Al-Fateh. Para pengunjung atau pelancong yang datang ke perpustakaan akan dapat membaca segala maklumat berkaitan dengan Sultan Muhammad Al-Fateh yang diletakkan di dinding perpustakaan itu. Ia juga antara salah satu inspirasi kepada pembukaan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ini.

Ketika kami menjejakkan kaki ke perpustakaan tersebut, terdapat banyak dan pelbagai jenis kayu yang digunakan di perpustakaan tersebut. Pada tiang Perpustakaan Muhammad Al-Fateh terdapat kesan seperti dibakar, kayu-kayu lama dan uniknya pintu yang digunakan adalah dari pintu istana lama. Apabila kami bertemu Puan Roslida Mat Said, beliau

memberitahu sebab dan kenapa dinding, tiang, atau pintu yang digunakan mempunyai seperti itu adalah kerana Perpustakaan Muhammad Al-Fateh menggunakan konsep 3R iaitu “Reuse” “Recycle and “Reduce” yang digunakan pada perpustakaan ini adalah dengan menggunakan barangan terpakai.

Keunikan lain yang dapat dilihat ketika melawati Perpustakaan Muhammad Al-Fateh adalah keunikan pada bahagian atap, lantai serta meja didalam perpustakaan ini. Bukan itu sahaja, beliau juga memberitahu bahawa atap yang digunakan adalah berasal daripada atap bata yang juga dibina seperti rumah tradisional lama. Lantai yang digunakan ketika masuk ke bilik mesyuarat tidak seperti lantai rumah kayu yang lain kerana lantai yang digunakan adalah kayu yang diambil daripada kayu papan “bowling” tebal yang terbiar. Antara sebab-sebab itulah Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ini telah menjadi sebuah perpustakaan yang kelihatan unik dan sangat kreatif dari segi pembinaannya.

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



**NAMA** : **Roslida Binti Mat Said**

**NAMA PANGGILAN** : **Kak Ida**

**TARIKH LAHIR** : **14 Oktober 1988**

**UMUR** : **30 tahun**

**WARGANEGARA** : **Malaysia**

**TEMPAT LAHIR** : **Kuantan, Pahang**

**TEMPAT TINGGAL** : **Labok, Machang**

**PEKERJAAN** : **Pengurus Perpustakaan Muhammad Al-Fateh**

**NAMA BANGUNAN** : **Perpustakaan Muhammad Al-Fateh**

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

**Berikut adalah temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh saya sendiri Nur Syahira Binti Ab Rasid bersama rakan saya Afiqah Nurfarhana Binti Roslan kepada Puan Roslida Mat Said mengenai sejarah bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh yang diusahakannya. Temubual ini dijalankan di Bilik Mesyuarat, Perpustakaan Muhammad Al-Fateh pada 18 November 2018.**

### **Petunjuk:**

**RMS : Roslida Mat Said**

**ANR : Afiqah Nurfarhana Binti Roslan**

**NSR : Nur Syahira Binti Ab Rasid**

### **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG**

**ANR : Assalamu'alaikum Puan Roslida, bolehkah kita mulakan sesi temubual kita sekarang pada hari ini ? Bolehkah Puan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Puan?**

**RMS : Boleh.**

**ANR : Boleh saya tahu nama penuh puan ?**

**RMS : Roslida Binti Mat Said.**

**ANR : Puan ada nama gelaran kah ? (Contohnya : CikSiti, Ti)**

**RMS :** Biasa orang panggil Kak Ida.

**ANR : Pada bulan dan tahun berapa puan dilahirkan?**

**RMS :** *Empat belas [14] Oktober sembilan belas lapan puluh lapan [1988].*

**ANR : Puan dilahirkan dimana ?**

**RMS :** Di Kuantan, Pahang.

**ANR : Dimanakah puan dibesarkan ?**

**RMS :** Dibesarkan di Pahang sampai [sehingga] umur 9 tahun selepas itu berpindah ke

Kelantan sampai [sehingga] sekarang

**ANR : Puan menetap di mana sekarang ?**

**RMS :** Di Labok, Machang.



**ANR : Puan anak keberapa daripada berapa orang adik-beradik ?**

**RMS :** Anak sulung daripada *empat* [4] adik beradik.

**ANR : Puan ada berapa orang anak ?**

**RMS :** Belum berkahwin.

#### **TAMAT BAHAGIAN A**

#### **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL**

**ANR :** Baiklah Puan kita akan meneruskan sesi temubual kita dengan bahagian kedua. Seterusnya iaitu tentang sejarah pendidikan awal dan kerjaya terkini Puan Roslida. Dimanakah puan bersekolah rendah dan pada tahun berapa?

**RMS :** Saya mula darjah *satu* [1] pada tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] di Sekolah Kebangsaan Tanah Putih Baru Kuantan sampai [sehingga] *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997]. Selepas itu, selepas berpindah ke Kelantan dari [bermula] darjah tiga [3] sampai [sehingga] darjah enam [6] saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Labok

**ANR :** Puan bersekolah menengah dimana dan pada tahun berapa ?

RMS : Start [bermula] tahun *dua ribu satu* [2001] sampai [sehingga] tahun *dua ribu lima*

[2005] saya bersekolah di Sekolah Sains Machang

**ANR : Puan pernah memegang apa-apa jawatan ketika sekolah dulu ?  
(Sekolah rendah & menengah)**

RMS : Semasa sekolah rendah, pernah jadi ketua darjah lah.

**ANR : Apa pencapaian tertinggi yang pernah puan dapat masa sekolah ?**

RMS : Semasa sekolah rendah UPSR saya dapat *lima* [5] A.

**ANR : Kalau[Jika] sekolah menengah?**

RMS : Tiada rasanya.

**ANR : Setelah puan habis persekolahan, adakah puan menyambung pengajian ke peringkat lagi tinggi ?**

RMS : Ya.

**ANR : Boleh saya tahu puan menyambung pengajian dimana ?**

RMS : Selepas SPM saya sambung belajar tahun dua ribu enam [2006] ambil asasi law [undang-undang] dekat [di] UiTM Shah Alam, selepas itu tahun *dua ribu lapan* [2008] saya ambil aaaa saya sambung ijazah, ijazah sarjana muda pengurusan maklumat, major [utama] dalam library, minor [bukan utama] dalam system, selepas itu saya praktikal dekat [di] Perpustakaan Politeknik Kota Bharu.

**ANR : Pada bila puan?**

RMS : Semester *lima* [5], semasa cuti semester *lima* [5] kita buat praktikal *tiga* [3] bulan.

**ANR : Kiranya itu last semester atau kena masuk lagi semester lagi satu?**

RMS : Kena masuk semester lagi *satu* [1] aaaaa semua *enam* [6] semester.

**ANR : Apa kenangan yang paling manis ketika puan belajar ?**

RMS : Pergi *trip* [rombongan] dengan lecturer dengan kawan kawan ke Sabah Sarawak.

**ANR : Apa rahsia kejayaan puan untuk sampai ke tahap yang membanggakan ?**

RMS : *Study* [belajar] rajin rajin, jangan tinggal solat hormat orang tua [ibu bapa], hormat lecturer [pensyarah], haa *tu* [itu] je lah.

## TAMAT BAHAGIAN B

### BAHAGIAN C: KERJAYA TERKINI

ANR : Okay Puan, kita beralih ke bahagian seterusnya, jadi saya ingin meneruskan lagi dengan bahagian tentang kerjaya terkini Puan yang Puan perolehi sekarang, seperti apa yang saya sedia maklum rahsia kerjayaan Puan mestilah disebabkan dari inspirasi orang orang terdekat atau idola. Siapakah idola yang puan suka ?

RMS Sebenarnya saya ni ramai sangat idola salah seorangnya P.Ramlee.

ANR : Mengapakah puan jadikan beliau sebagai idola puan ?

RMS : Aaaaaa salah *satu* [1] sebabnya setiap filem yang di keluarkan oleh beliau sangat bermutu tinggi dan setiap kali tengok filem filem yang beliau hasilkan tu memang ada nasihat dan pengajaran la yang tersembunyi dalam setiap hasil karya beliau.

ANR : Kalau cerita yang puan paling suka?

RMS : DoReMi (ketawa).

**ANR : Apakah pekerjaan tetap puan sekarang ? (Jika ada)**

**RMS :** Saya pustakawan di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh.

**ANR : Daripada tahun bila tu puan?**

**RMS :** Start [bermula] Perpustakaan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini] beroperasi pada tahun *dua ribu lima belas* [2015]

**ANR : Bilakah puan memulakan karier puan di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ?**

**RMS :** Saya *start* [bermula] bekerja di sini daripada *dua ribu lima belas* [2015] *bulan tujuh* [7].

**ANR : Apakah jawatan yang puan sandang di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ?**

**RMS :** Okay [baiklah] selain dari pustakawan saya juga merangkap pengurus di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini] lah sebab untuk segala urusan, pentadbiran pengurusan semua saya yang uruskan.

**ANR : Jadi puan tiada pembantu?**

RMS : Aaaaa memang *takde* [tiada] pembantu, memang saya sorang je.

**ANR : Mengapakah puan memilih untuk bekerja di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ? Apa sebab utama ?**

RMS : Aaaaa saya memilih untuk bekerja di sini kerana saya memang belajar dalam bidang perpustakaan *ni* [ini] *lepas tu* [selepas itu] *library* [perpustakaan] *ni* [ini] memang dekat dengan rumah saya dan sebab utamanya pengasas *library* perpustakaan] *ni* [ini], Tuan Haji Zulkifli Mahmat ni dia memang offer [tawarkan] saya kerja *kat* [di] sini lah sebagai pustakawan.

**ANR : Puan ada bergiat aktif dalam bidang-bidang lain selain di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh kah ?**

RMS : Aaaa buat masa sekarang *takde* [tiada] sebab kekangan masa nak aaaa uruskan *library* [perpustakaan] *ni* [ini] nak *join* [menyertai] aktiviti luar tu macam masa terhad lah.

**ANR : Sebab sorang yang uruskan library [perpustakaan] ni?**

RMS : Haah betul sebab sorang yang urus.

**TAMAT BAHAGIAN C**

**BAHAGIAN D: SEJARAH BANGUNAN**

**NSR :** Okay seterusnya kita beralih ke bahagian mengenai sejarah bangunan atau asal usul kewujudan bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh. Boleh puan terangkan serba sedikit, apakah sebenarnya Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ?

**RMS :** Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ni [ini] sebuah perpustakaan sejarah dengan seni bina berkonsepkan warisan tradisional yang diilhamkan oleh Tuan Haji Zulkifli Mamat untuk kegunaan penduduk setempat. Okay perpustakaan ini terdiri daripada *tiga* [3] komponen iaitu perpustakaan, rumah tamu dan hap perniagaan. Hap perniagaan ni [ini] aaaa maknanya macam aaaaa *one stop centre* [pusat utama] la untuk usahawan usahawan setempat di kalangan eh sekitar Machang untuk berkumpul dan bertukar tukar idea

**NSR :** Ooo jadi ada apa apa bayaran kah untuk usahawan tersebut?

**RMS :** Buat masa sekarang belum ada apa apa bayaran yang dikenakan semuanya adalah percuma, mungkin di masa akan datang akan dikenakan sedikit bayaran lah untuk kegunaan tempat.

**NSR :** Kenapa ia diberi nama sebagai Perpustakaan “Muhammad Al-Fateh” ?

**RMS :** Aaaa perpustakaan Muhammad Al-Fateh ni [ini] diberi nama “Muhammad Al-Fateh” aaaa kita menjadikan Sultan Al-Fateh tu sebagai role model [contoh] kat sini untuk ambil semangat aaaa semangat juang nya untuk menawan Kota Constantinople.

**NSR : Ooo Kota Constantinople berasal daripada mana ?**

**RMS :** Kota Constantinople tu [itu] aaaa adalah kalau (ketawa) saya tidak pasti sangat berasal daripada mana tapi buat masa sekarang ia telah dipanggil sebagai Istanbul haa nama ni [ini] telah ditukar oleh Mustafa Kemal Atatürk.

**NSR : Apakah nama asal perpustakaan ini ?**

**RMS :** Aaaa untuk pengetahuan, memang nama Sultan Muhammad Al-Fateh ni adalah nama pertama yang diilhamkan untuk perpustakaan ni [ini].

**NSR : Pada tahun bilakah perpustakaan ini ditubuhkan ?**

**RMS :** *Okay* [baiklah], perpustakaan ini *start* [bermula] dibina pada tahun *dua ribu empat belas* [2014] bulan Ogos dan dirasmikan pada *dua puluh sembilan* [29] haribulan *lima* [5] tahun *dua ribu lima belas* [2015] oleh timbalan menteri besar Kelantan yang berhormat Dato' Haji Muhammad Ammar Abdullah.

**NSR : Perpustakaan ini dirasmikan oleh siapa dan pada tahu berapa ?**

**RMS :** Perpustakaan ni [ini] dirasmikan pada *dua puluh sembilan* [29] haribulan *lima* [5] tahun *dua ribu lima belas* [2015] oleh timbalan menteri besar Kelantan yang berhormat Dato' Haji Muhammad Ammar Abdullah.



**NSR : Siapakah yang memberi idea untuk menubuhkan bangunan ini ?**

RMS : Yang memberi idea sepenuhnya untuk penubuhan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini] adalah Tuan Haji Zulkifli Mahmud, segala susun atur, seni bina, plan semua beliau yang buat semua.

**NSR : Apakah faktor-faktor utama bangunan ini ingin dibangunkan?**

RMS : *Okay* [baiklah] faktor utama bangunan ini dibangunkan adalah kerana pengasas perpustakaan ini Tuan Haji Zulkifli Mahmud *ni* [ini], dia takboleh tengok benda macam kayu, papan, benda benda lama *ni* [ini] terbuang terbiar begitu *je* [sahaja] macam kan kebanyakan orang sekarang orang guna rumah batu jadi rumah kayu *ni* [ini] dia akan lupuskan, dia akan bakar jadi macam benda *tu* [itu] rugi la sangat jadi sebab *tu* [itu] lah timbulnya idea bangunan ni ditubuhkan.

**NSR : Ooo, kiranya kalau benda tu terbakar pun dia akan ambil untuk guna untuk tubuh perpustakaan ini lah?**

RMS : Aaaa ada *jah* [sahaja] banyak *jah* [sahaja] barang barang yang terbakar yang memang bakar dah yang digunakan balik contohnya macam kalau dekat Perpustakaan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini], lepas lepasni awak boleh tengok bawah *tu* [itu] ada kita guna papan terbakar untuk buat untuk buat pagar.

**NSR :** Berapa lama masa diambil untuk bangunan ini siap sepenuhnya?

**RMS :** *Okay* [baiklah] kita *start* [mula] buat bangunan *ni* [ini] pada bulan Ogos *dua ribu empat belas* [2014], *lepastu* [selepas itu] kita rasmi pada *dua puluh sembilan* [29] haribulan *lima* [5] tahun *dua ribu lima belas* [2015], *masa* [semasa] rasmi *tu* [itu] bangunan *ni* [ini] tak complete sepenuhnya pun bangunan *ni* [ini], kiranya masih dalam progress lagi la kalau macam ada benda nak tambah, kita masih tambah lagi.

**NSR :** Ooo jadi semasa itu ada apa sini jika belum *complete* [siap sepenuhnya] lagi?

**RMS :** *Okay* [baiklah] maksud *tak* [tidak] *complete* [siap] lagi *tu* [itu] bangunan masa rasmi *tu* [itu] memang bangunan ada dah, Cuma macam ada *certain* [tertentu] tempat tu ada dia tambah *lepas* [selepas] pada perasmian *tu* [itu].

**NSR :** Apakah sebab bangunan ini ditubuhkan?

**RMS :** *Okay* [baiklah] sebab perpustakaan *ni* [ini] ditubuhkan untuk nak jadikan satu *one stop centre* [pusat utama] la untuk penduduk setempat *especially* [terutamanya] penduduk Labok, Mache untuk rajin baca buku untuk memupuk minat diorang untuk membaca buku daripada duduk lepak lepak *kokse* [bukan-bukan] *tu* [itu] ha *mari* [datang] la *study* [belajar] *kat* [di] *library* [perpustakaan] *ni* [ini] *boleh* [boleh] main internet boleh baca buku, boleh lepak lepak (ketawa).

NSR : Ooo, kiranya kalau *foreigner* [warga asing] ke ataupun orang luar yang jauh jauh datang boleh ke guna ke ada bayaran ke charge ke?

RMS : Aaaa buat pengetahuan *memey* [memang] ramai *jah* [sahaja] *foreigner* [warga asing] *mari* [datang] sini *memey* [memang] Tuan Haji Zulkifli Mahmud *ni* [ini] dia ramai *saing-saing* [kawan-kawan] dengan *foreigner* [warga asing], *ore*[orang] Korea, *ore* [orang] China, *ore* [orang] Thailand *sokmo* [selalu] *jah* [sahaja] *mari* [datang] sini *memey* [memang] *kalu* [kalau] *mace* [macam] aaaa untuk pelawat dia *tu* [itu] *memey* [memang] kita *tak* [tidak] kenakan *charge* [caj] lah sebabnya kita *nok* [nak] *suruh* [biar] *diorang* [mereka] kenal tempat kita budaya kita jadi *mace* [macam] biar *diorang* [mereka] *tu* [itu] *mari* [datang] pula *pahni* [selepas ini].

NSR : Ooo, *pastu*[selepas itu] *kae* [kan], seperti yang saya tahu dekat perpustakaan ni dia ada sediakan buku buku dekat bawah tu *kae* [kan], *pastu* [selepas itu] *kalu* [kalau] *ore* [orang] luar *nok* [nak] *mari* [datang] *nok* [nak] pinjam *pastu*[selepas itu] *nok* [nak] bawak balik rumah kiranya dia nak baca di rumah la, *buleh* [boleh] *ko* [ke]? *Ko* [ke] ada *gapo-gapo* [apa-apa] syarat *ko* [ke] ?

RMS : *Okay* [baiklah], sini buku buku *hok* [yang] *ado* [ada] sini *tu* [itu] kita *memey* [memang] *bui* [bagi], kita *memey* [memang] *ado* [ada] perkhidmatan peminjaman buku lah, aaaa kiranya *sapa sapa* [sesiapa] pun boleh pinjam aaaa tempoh pinjaman *tu* [itu] *dua* [2] minggu untuk *lima* [5] *butir* [buah] buku haaaa jadi kiranya proses tu secara manual lah kira aaaa saya ambil nama, number telefon, alamat, haaa *pastu* [selepas itu] dalam masa *dua* [2] minggu tu kena hantar balik lah.

**NSR : Jika lewat?**

**RMS :** Kalau lewat kita aaaa ada *charge* [caj] aaaa *charge* [caj] kelewatan tu aaaa *dua puluh* [20] sen sehari.

**NSR : Pada tahun bilakah bangunan ini dirancang untuk ditubuhkan?**

**RMS :** Aaaa untuk *specific* [khusus] tahun tu saya tak pasti sangat la tapi pengasas tu Tuan Haji Zulkifli Mahmud tu dia *memey* [memang] duduk *royak* [cakap] *sokmo* [selalu] dah nak hasilkan nak buat binaan aaaa *hok* [yang] berasaskan warisan tradisional *ni* [ini] aaaa menggunakan *bare-bare* [barang-barang] terpakai menggunakan kayu papan *hok* [yang] digunakan *doh* [dah] aaaa jadi aaaa sebelum aaaa sebelum dalam *dua atau tiga* [2/3] tahun lepas la sebelum tertubuhnya perpustakaan *ni* [ini] lagi la. *Memey* [memang] idea tu duduk *dale* [dalam] *pala* [kepala] dia *doh* [dah].

**NSR : Bilakah bangunan ini mula beroperasi penuh sebagai perpustakaan?**

**RMS :** Aaaa mula beroperasi penuh tu aaaa pada bulan *tujuh* [7] *dua ribu lima belas*[2015].

**NSR : Ooo, haa seperti saya tengok kawasan dekat perpustakaan ini banyak sangat rumah-rumah tapi dekat kawasan *hok* [yang] ditubuhkan ini dia *mace*[macam] ermmm ada pokok pokok sikit haa jadi dulu bangunan *ni* [ini] kawasan *gapo* [apa] dulu?**

- RMS : *Okay* [baiklah] aaaa setahu saya kawasan sebelum ini kawasan hutan *jah* [sahaja] sini *ni* [ini] aaaa kiranya kita *sodok* [roboh] *comey* [cantik] buat bangunan.
- NSR : **Kira dulu *memey* [memang] ada dah la rumah-rumah semua ini?**
- RMS : Aaaa *qumoh-qumoh* [rumah-rumah] sekitar *ni* [sini] *mace* [macam] perumahan tepi tepi ni *qumoh* [rumah] aaaa *memey* [memang] ada *doh* [dah] lah.
- NSR : **Kawasan apakah bangunan ini ditubuhkan dulu ?**
- RMS : Kawasan sebelum ini kawasan hutan *jah* [sahaja] sini *ni* [ini] aaaa kiranya kita *sodok* [roboh] *comey* [cantik] buat bangunan.
- NSR : **Kenapa mesti memilih kawasan ini sebagai tempat untuk mendirikan perpustakaan? Sedangkan dekat Bandar Machang tu kalau kita kira lah errrr dia punya tarikan daripada orang luar *hok* [yang] *gi* [pergi] pasar *Mache* [Machang] ke Bandar Mache ke lagi tinggi haa kenapa pilih sini juga?**
- RMS : *Okay* [baiklah] aaaa sebab kita aaaa sebab Tuan Haji Zulkifli Mahmad pilih sini untuk bina perpustakaan ini okay kira aaaa target pengunjung dia *tu* [itu] adalah penduduk sekitar kawasan Joh Labok *ni* [ini], kiranya nak aaaa seperti sediamaklum, aaaa Tuan Haji Zulkifli Mahmad *ni* [ini] dia adalah mantan adun Pulau Condong, jadinya dia nak anak mukim dia *ni* [ini] rajin baca buku err takbuang masa tak lagha *kokse*

[bukan-bukan], jadi dia nak fokus kepada penduduk Joh Labok *ni* [ini] dulu lah sebelum haa ke kawasan lain *tu* [itu] haa tapi secara *tak* [tidak] langsung ramai *jah* [sahaja] aaaa pengunjung datang daripada satu *Kelate* [Kelantan] ni ada *jah* [sahaja] *mari* [datang].

**NSR :** Benarkah bangunan ini juga menyediakan perkhidmatan homestay?

**RMS :** Aaaa ya betul bagunan ni ada *jugak* [juga] kita sediakan perkhidmatan homestay lah aaaa homestay kita ada *tiga* [3] bilik, setiap bilik *tu* [itu] kita ada bilik air ada cukup lengkap la dengan *aircond* [penghawa dingin] ada kipas ada aaaa kalau *mace* [macam] aaaa pengunjung *nok* [nak] *mari* [datang] tu ada lah *towel* [tuala] *hanger* [penyangkut] *water heater* [pemanas air] *gapo* [apa] semua *tu* [itu] kita sediakan lah *pastu* [selepas itu] ada *satu* [1] bilik air kat luar tu aaaa jadi aaaa *toilet* [bilik air] kat bawah pun aaaa *gapo* [apa] pengunjung homestay boleh guna *jugak* [juga].

**NSR :** *Hok* [yang] *tu* [itu] ada bayaran ke?

**RMS :** Aaaa *okay* [baiklah] bayaran untuk menggunakan homestay *tiga ratus* [300] semalaman.

**NSR :** Ermm kalau ikut kapasiti berapa kapasiti *hok* [yang] *ore* [orang] luar boleh masuk untuk guna homestay *tu* [itu] ?

**RMS :** *Okay* [baiklah] sebab homestay kita *ni* [ini] aaaa ada ruang legar *hok* [yang] besar jadi kebanyakan orang *hok* [yang] *mari* [datang] sini dia

*mari* [datang] *dale*[dalam] kapasiti *hok* [yang] *banyok* [banyal] aaaa *dale* [dalam] kapasiti *hok*[yang] ramai *dale* [dalam] sebuah bas haaa ermm *mace* [macam] kebiasaanya orang *hok* [yang] *mari* [datang] *ni* [ini] dia *mari* [datang] untuk kenduri haaa jadi dia tengok homestay kita *ni* [ini] luas dengan *mace* [macam] aaaa *gapo* [apa] aaaa walaupun bilik ada *tiga* [3] tapi *still* [masih] lagi *buleh* [boleh] tidur dekat ruang legar *tu* [itu] jadi *mace* [macam] selesa *jugok* [juga] lah walaupun ramai ramai.

**NSR :** Adakah semua sejarah sultan Al-Fateh diletakkan di dinding bangunan perpustakaan ini?

**RMS :** Aaaa untuk sejarah Sultan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini] *takdok* [tidak] la semua cuma sebahagian kecil *jah* [sahaja] sebab kita pun dalam proses pengumpulan maklumat lagi la.

**NSR :** *Okay* [baiklah], *pastu* [selepas itu] kiranya ada apa *je* [sahaja] dalam library *ni* [ini] pasal yang merujuk kepada Sultan Muhammad Al-Fateh ?

**RMS :** *Okay* [baiklah] aaaa kita ada biodata Sultan Muhammad Al-Fateh *ni* secara ringkas lah *lepastu* [selepas itu] kita lebih tekankan pada cara aaaa dia menawan aaaa beliau cara beliau menawan Kota Constantinople *tu* [itu], sebab aaaa sebab kita aaaa *gapo* kita lebih tekankan Kota Constantinople *tu* erm sebabnya kita punya tarikh perasmian *dua puluh sembilan* [29] haribulan *lima* [5] *tu* [itu] kita merujuk kepada tarikh dia berjaya menawan Kota Constantinople *tu* [itu].

**NSR :** **Apakah cara dan teknik yang digunakan untuk meletakkan sejarah tentang sultan Al-Fateh tersebut di bahagian dinding bangunan?**

**RMS :** *Okay [baiklah] buat masa sekarang ni [ini] kita terletak aaaa sejarah Sultan Muhammad Al-Fateh ni dalam satu [1] bilik aaaa kira bilik tu [itu] kita guna jugak untuk aaaa mesyuarat aaaa guna jugak untuk bilik multimedia kiranya kita letak tu [itu] kita pameran kita letak dale [dalam] frame plastic.*

**NSR :** **Ohh yang macam dalam muzium tu [itu] ke?**

**RMS :** Haa betul macam dalam muzium tu [itu].

**NSR :** **Adakah tapak pembinaan bangunan ini ada sejarah tentang Sultan Al-Fateh?**

**RMS :** Aaaa tapak binaan ni [ini] *takdok* [tiada] sejarah tentang Sultan Muhammad Al-Fateh cuma kita *ambik* [ambil] semangat Sultan Muhammad Al-Fateh lah untuk pembinaan.

**NSR :** **Adakah bangunan ini dibina untuk memperingati sumbangan Sultan AlFateh? Mengapa?**

**RMS :** Aaaa *ye* [ya] betul kita bina perpustakaan ni [ini] untuk memperingati sumbangan Sultan Muhammad Al-Fateh aaaa yang terbesar nya sebab tawan Kota Constantinople tu [itu] lah aaaa kita kiranya kita *memey* [memang] betul betul nak jadikan Sultan Muhammad Al-Fateh tu *role model* [contoh] kita la *dale* [dalam] kehidupan seharian kita tu [itu] biar



kita ada semangat Sultan Muhammad Al-Fateh *tu* [itu] kita ada *mace* [macam] kalau Sultan Muhammad Al-Fateh ni sendiri *pom* [pun] *start* [bermula] dia baligh tu *memey* [memang] dia tak tinggalkan aaaa solat, aaa sebarang solat, *memey* [memang] dia bangun tahajud dia *memey* [memang] solat sunat *memey* [memang] solat fardu *memey* [memang] *takrajin* [tidak selalu] tinggal *takrajin* [tidak selalu] *missed* [tinggal] haa jadinya aaaa dia *pom* [pun] ada aaaa *gapo* [apa] aaaa dia *pom* [pun] ada kepakaran dalam bidang lain *mace* [macam] *ketenterae* [ketenteraan] sains matematik *pastu* [selepas itu] dia *ni* [ini] fasih *dale* [dalam] *enam* [6] bahasa di dunia haaa jadinya aaaa masa dia *start* [mula] jadi Sultan *tu* [itu] *pom* [pun] umur dia baru *jah* [sahaja] *sembilan belas* [19] tahun dan dia tawan aaaa *gapo* [apa] *mace* [macam] *ho* [ya] la *mace* [macam] *nok* [nak] *suruh* [biar] biar terap semangat dia *tu* [itu] *dale* [dalam] diri *kito* [kita] *dale* [dalam] diri golongan *mudo* [muda] *loni* [sekarang].

**NSR :** **Bagaimana datangnya idea untuk meletakkan sejarah tentang sultan Al-Fateh di dinding perpustakaan dan mengapa?**

**RMS :** *Okay* [baiklah] aaaa idea tu *dio* [dia] *nok* [nak] meletakkan sejarah Sultan Muhammad Al-Fateh *kat* [di] dinding perpustakaan *ni* [ini] sebabnya kiranya idea *ni* [ini] datang daripada Tuan Haji Zulkifli Mahmad sendiri lah, kiranya untuk Tuan Haji Zulkifli Mahmad *ni* [ini] dia *memey* [memang] suka baca semua benda aaaa *especially* [terutamanya] sejarah lah dia *memey* [memang] suka baca pasal Sultan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini] jadinya dia nak pengunjung pengunjung perpustakaan *ni* [ini] pun tahu pasal Sultan Muhammad Al-Fateh *tu* [itu] biar *buleh* [boleh] *terapkae* [terapkan] semangat aaaa Sultan Muhammad Al-Fateh *tudale* [dalam] diri masing masing.

**NSR : Berapakah kos yang digunakan untuk menambah koleksi Sultan Al-Fateh ?**

RMS : *Okay* [baiklah] untuk menambah koleksi Sultan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini] buat *mase* [masa] *loni* [sekarang] *dale* [dalam] *satu ribu* [1000] *gitu* [macam itu] *jah* [sahaja].

**NSR : Ohh mungkin ada perancangan untuk tambah koleksi koleksi lain?**

RMS : Aaaa maksudnya aaaa koleksi pasal Sultan Muhammad Al-Fateh jugak ke koleksi lain lain ke *gano* [macam mana]?

**NSR : Ermm koleksi Sultan Muhammad Al-Fateh**

RMS : **Okay** [baiklah] aaaa kita dalam proses penambahan lagi *memey* [memang] duduk cari cari bahan lagi lah aaaa jadi *memey* [memang] kita *nok* [nak] tambah *bahae* [bahan].

**NSR : Selain bangunan perpustakaan ini, apa adakah bangunan lain yang ditubuhkan ?**

RMS : *Okay* [baiklah] buat masa *loni* [sekarang] kita ada aaaa buat *satu* [1] lagi aaaa rumah kreatif berhampiran jugak dengan Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini] jadi kalau ada masa *pahni* [selepas ini] *buleh* [boleh] la *gi* [pergi] tengok *tu* [itu] haaa kiranya konsep dia *tu* [itu] lebih kurang *gini* [macam ini] jugak cumanya aaaa rumah kreatif *ni* [ini] dia lebih kepada tukang kayu, haa *mace* [macam] kiranya kita akan fokus kepada golongan *hok* [yang] minat kayu kayu *hok* [yang] minat *ngukir* [mengukir] *gapo* [apa] kiranya kita aaaa kita akan *mintak* [minta] *diorang* [mereka] *mari* [datang] sini lah *mace* [macam] kalau *mace*

[macam] contohnya ada *foreigner* [warga asing] *ko* [ke] *gapo* [apa] *ko* [ke] *hok* [yang] *berehi* [minat] ukir ukir kayu, buat buat pertukangan *gapo* [apa] *ni* [ini] aaaa *memey* [memang] *molek* [elok] *benar* [sangat] lah *mari* [datang] sini.

**NSR : Ada apa-apa bayaran kah?**

**RMS :** Aaaa bayaran tu belum ditentukan lagi sebab bangunan *tu* [itu] *dale* [dalam] proses lagi *dok* [duduk] buat lagi *tak* [tidak] siap *molek* [elok] lagi.

**NSR :** **Jika perpustakaan ditubuhkan berdasarkan sejarah Sultan Al-Fateh. Apakah kena mengena sejarah Sultan Al-Fateh dengan bangunan ini ?**

**RMS :** *Okay* [baiklah] aaaa macam saya *royak* [cakap] tadi lah aaaa bangunan *ni* [ini] dia *takdok* [tiada] *keno mengeno* [kena mengena] *pom* [pun] dengan Sultan Muhammad Al-Fateh *tu* [itu] cumanya kita *memey* [memang] *nok* [nak] jadikan Sultan Al-Fateh *tu* [itu] *role model* [contoh] *kito* [kita] aaaa *memey* [memang] *nok* [nak] terapkan aaaa *dale* [dalam] diri setiap *ore* [orang] kalau *buleh* [boleh] *tu* [itu] setiap pengunjung sini *tu* [itu] kena *ado* [ada] semangat Sultan Muhammad Al-Fateh *ni* [ini] sebab *ha* [ya] lah *dio* [dia] kan *memey* [memang] aaaa *memey* [memang] patut jadi *role model* [contoh] semua *ore* [orang] la.

**NSR :** **Adakah anda mempunyai apa-apa masalah seperti kekangan atau rintangan ketika menubuhkan bangunan ini ?**

RMS : Okay untuk masalah untuk menubuhkan bangunan ini *macei* [macam] untuk dapatkan *behe* [bahan] ini lah *macei* [macam] kayu, *papea* [papan], *bato* [bata] *gapo* [apa] inilah sebabnya kita ambil benda-benda ini semua ini daripada pelbagai tempat lah *macei* [macam] kalau bata ini kita ambil dekat Thailand *macei* [macam] kalau papan dinding rumah ini *macei*[macam] kita ambil daripada rumah orang *toksei* [taknak] *macei* [macam] kadang-kadang itu orang *toksei* [taknak] *buwi* [bagi] sayang lepas tu juga ada *macei* [macam] banyak faktor juga lah *macei* [macam] faktor jarak, masa, kekangan masa nak kumpul-kumpul bahan ini semua ini.

NSR : **Okay (berdehem) pernahkah bangunan ini mengalami apa-apa kesulitan untuk meneruskan operasi ?**

RMS : Untuk meneruskan operasi buat masa *lonie* [sekarang] tak ada kekangan lagi lah.

NSR : **Okay, pernahkah bangunan perpustakaan ini dipecah masuk oleh orang yang tidak bertanggungjawab ? Macam pencuri ke ?**

RMS : Alhamdulillah setakat ini tak ada lagi lah orang pecah masuk itu.

NSR : **Bagaimana penerimaan bangunan ini oleh penduduk setempat ?**

RMS : Okay tertubuhnya “library” (perpustakaan) ini rasanya diterima baiklah oleh penduduk setempat sebabnya ramai jah orang sekeliling mari *macei*[macam] budak-budak pun ramai *jah* [saja] mari untuk baca buku

apa, *memei* [memang] gunakan juga lah tempat ini untuk perjumpaan *gapo* [apa].

**NSR :** Apakah jenis keselamatan yang digunakan ? Contoh macam menggaji pengawal keselamatan letak CCTV atau “fire extinguisher” ke ?

**RMS :** Okay buat masa *lonie* [sekarang] kita *tak dok* [tak ada] pengawal keselamatan, *tak dok* [tak ada] CCTV memang kunci manual *gitu* [begitu] jelah.

**NSR :** Oh kira alhamdulillah setakat ini tak ada apa-apa eh ?

**RMS :** Alhamdulillah lah setakat ini tak ada *gapo-gapo* [apa-apa] lagi *huk* [yang] *hile* [hilang].

**NSR :** Jika puan tahu atau puan boleh kongsikan dengan kami berapakah anggaran kos keseluruhan dalam pembinaan bangunan Perpustakaan Al-Fateh ini ?

**RMS :** Kos sebenar itu saya tak pasti sangat, tapi dengar-dengarnya anggaran itu sampailah juga satu [1] juta itu

**NSR :** Banyak eh. Okay berapa ramaikah pekerja yang diambil untuk menguruskan bangunan ini ?

RMS : Okay buat masa *lonie* [sekarang] saya sorang je kerja sini. Tapi *macei*[macam] untuk penyelenggaraan *macei*[macam] untuk baiki-baiki itu adalah saya akan upah orang lain untuk mesin rumput orang lain untuk atap bocor untuk paip bocor *gapo* [apa] itu saya akan upah orang lainlah.

NSR : **Oh kiranya setiap bo—setiap kali ada masalah ataupun setiap akan buat “maintenance”(penyelenggaraan) ini ke macam mana ?**

RMS : Okay macam “depends”(bergantung) lah macam mesin rumput itu saya akan “check” [periksa] lah tahap panjang mana rumput itu kalau macam panjang *dooh* [sangat] itu saya akan panggilah orang mesin rumput lepas itu kalau macam kalau bocor ini sekalonya tak adalah macam musim hujan saja lah baiki itu kalau tak biasa jah.

NSR : **Apakah setiap tugas pekerja dibangunan ini. Boleh puan bagitahu dengan lebih ringkas ?**

RMS : Okay macam pekerja sini saya sorang jah, jadinya “start” dengan perpustakaan dengan homestay apa semua saya sorang jah yang urus. Jadi untuk perpustakaan itu untuk susun buku, katalog buku saya buat sendiri. Kalau macam untuk “homestay” saya uruskan untuk orang nak guna untuk program juga untuk “check-in” “check-out” macam untuk hantar dobi barang “homestay” apa memang saya buat sendirilah macam “cleaner” pun saya buat sendirilah macam kalau ada bunga-bunga itu pun saya lah tukang—(ketawa) tukang kebun memang *holah* [yelah] “overall” (semua) memang saya seorang lah buat belako cuma kalau macam benda-benda saya tak boleh buat itu saya akan upah orang lain lah.

**NSR :** Tak penat ke ? Tak rasa nak tambah pekerja-pekerja baru ke ?

**RMS :** Buat masa *lonie* [sekarang] itu tak terfikir lagi lah sebabnya sini nya taka da lah “busy” sangat . “Busy” pun macam “time-time” ada program itu jelah, jadi mungkin kita akan tambah pekerja dimasa akan datang.

**NSR :** Dalam anggaran berapa ramai yang boleh puan nyatakan orang awam tahu tentang bangunan perpustakaan ini ?

**RMS :** Okay untuk orang ramai *huk*[yang] tahu itu spesifik berapa orang itu saya tak pastilah tapi *huk*[yang] saya pasti satu ribu [1000] orang lebih itu “confirm” dah tahu pasal tempat ini sebab memang ramai dah orang mari sini nya.

**NSR :** Kiranya setiap cuti atau setiap bulan akan ada orang ra-- mari ?

**RMS :** Dia “depends” (bergantung) juga, macam kalau macam cuti ramai budak-budak sekolah, lagi ramai budak-budak sekolah mari sebab kita banyak buat aktiviti juga. Lepas itu kalau macam cuti kan kebanyakannya duduk luar itu dia akan balik Kelantan dia akan mari tengok tempat ini haa gitu. Lepas itu macam “foreigner” (warga asing) ada juga mari sini. Dia macam tak tentu masa, ada itu kurang orang mari, ada itu ramai orang mari. “Depends” (bergantung) lah.

**NSR :** Puan ada buat apa-apa promosikah untuk buat orang awam lebih mengenali perpustakaan ini ? Seperti contoh, membuat aktiviti atau mempromosikan perpustakaan dekat “Facebook” (Aplikasi atas talian) “Twitter” (Aplikasi atas talian) atau “Instagram” (Aplikasi atas talian) ?

**RMS :** Buat masa *lonie* [sekarang] dia ada page lah dekat “Facebook” perpustakaan Muhammad Al-Fateh. Untuk homestay pun kita ada homestay Muhammad Al-Fateh lepas itu kalau macam dekat Instagram itu pun kita ada juga buat promosi lepas itu kita ada juga edar “flyers” untuk homestay, perpustakaan inilah untuk orang “aware” (tahu) pasal kewujudan Al-Fateh ini lepas itu kalau macam Tuan Haji Zulkifli Mamat sendiri pun macam kalau dia pergi ceramah mana-mana dia akan “mention” pasal perpustakaan ini jadi memang ada promosi *sokmo*[selalu] lah pasal ini lagipun macam kalau macam cuti sekolah ke gapo memang saya akan buat aktiviti lah untuk budak-budak sekolah.

**NSR :** Boleh bagitahu aktiviti apa ?

**RMS :** Kalau sini kebanyakannya huk budak-budak yang mari itu ramai sekolah rendah jadi macam banyak aktiviti budak-budak lah macam aktiviti mewarna, membaca, teka silang kata, ada macam sukan itu ada selit-selit sikit.

**NSR :** Pernahkah sesiapa atau orang-orang dikawasan bangunan ini mempersoalkan tentang kewujudan bangunan ini ? Ini kerana, kebanyakan orang tidak tahu tentang sejarah-sejarah lama.



RMS : Buat masa *lonie* [sekarang] tak ada pun orang mempersoalkan tentang sejarah ini.

NSR : **Okay alhamdulillah. Puan, pernahkah bangunan ini mengalami apa-apa masalah seperti atap bocor atau sebagainya ? Apakah solusi untuk masalah itu ?**

RMS : Okay kalau macam sini ni, dia banyak kawasan hutan kan, jadi kita banyaklah gangguan daripada luar ini macam sini dia banyak kera. Okay banyak kera, kadang-kadang itu dia akan jalan-jalan atas bata itu, kadang-kadang dia akan buang bata itu macam saja-saja dia main atas itu macam bocor itu memang ada *sokmo*[selalu] jadi macam kena panggil tukang atap baiki lah, lepas itu kadang-kadang itu tukar atap itupun kita ada dah “order” (tempah) bata baru, Cuma macam nak tukar-tukar itu cuma tak ada tenaga pekerja lagi kan. Lepas itu macam kan sini kan macam kayu papan itu ada setengah tu kena air hujan tu kan barang lama payah juga nak maintain benda ini dia macam taka da barang ganti susah juga nak dapat lepas itu gak kalau macam perasan lantai bowling bawah itu dia banyak kena air hujan dia macam mereputlah susah juga nak maintain benda itu lagipun ni macam musim hujan ini lagilah. Lepas itu, untuk pengetahuan kalau macam kita pun kekurangan tenaga professional tenaga mahir untuk nak baiki nak—nak gano eh nak buat benda ini sebab macam kurangnya ore huk pandai nak maintain benda-benda lama nih.

NSR : **Kalau macam itu boleh telan kos yang agak tinggillah?**

RMS : Lebih kurang gitu jugak lah macam sebab susahkan nak maintain benda

ni banyak benda nak kena tukar *gapo* [apa].

**NSR :** Semasa banjir teruk di Kelantan pada tahun 2014, adakah banjir tersebut memberi apa-apa kesan atau kerosakkan terhadap bangunan ini?

**RMS :** Masa banjir 2014, masa itu banjir bulan dua belas [12] kan, masa tu “library” ini ada dah cuma masa itu kita buat tapak asas *jah*[saja] . Jadinya macam takdok kesan lagilah macam tapak asas tu tiang jelah . Ada tiang je. Ikut kata penduduk setempat pun kawasan ini tinggi sikit dari kawasan sebelah. Jadi kalau macam kawasan sebelah itu air dia *sekat* [paras] dada pun, sini dia baru macam *sekat* [paras] betis, kira macam ia tak terjejas lah

**NSR :** Okay nasib baik ya puan.

#### TAMAT BAHAGIAN D

#### BAHAGIAN E: REKABENTUK BANGUNAN

**ANR :** Jika tadi puan ceritakan sejarah bangunan itu ditubuhkan, seterusnya bangunan ini juga mestilah mempunyai reka bentuk menariknya yang tersendiri. Bagaimanakah datangnya idea untuk menubuhkan bangunan ini ?

**RMS :** Okay, idea asalnya daripada pengasas sendirilah , daripada Tuan Haji Zulkifli Mamat, okay. Aaa idea ni (ini) datang bila *dio* [dia] tengok

banyak aaa *macei* [macam] kayu-kayu, *papea* [papan] *duk* [telah] bakar tepi-tepi *jale* [jalan] duduk terbiar *gitu* [begitu] *jah* [saja]. Jadi dia *memei* [memang] rasanya dia nak kitar semula benda *tu* [itu] , dia nak guna semula benda *tu* [itu], *macei* [macam] *sayey* [sayang] lah duduk buang *gitu* [begitu] *jah* [sahaja] *macei* [macam] sebab benda *tu* [itu] kan dia ada sentimental “value” (berharga) *hok* [yang] tinggi.

**ANR :** Berapakah keluasan bangunan ini dan ia mempunyai berapa tingkat ?

**RMS :** Okay, bangunan *ni* (ini) dia ada dua tingkat. Dia—dia keluasannya lima ribu tiga ratus [5300] kaki persegi.

**ANR :** Mengapakah bangunan ini dibina seperti bentuk rumah tradisional ? Idea siapakah ?

**RMS :** Okay dibina seper-- okay idea—benda *ni* (ini) dibina seperti bentuk rumah tradisional *ni* (ini) daripada Tuan Haji Zulkifli Bin Mamat. Sebab dibina dalam bentuk rumah tradisional *ni* (ini) sebabnya dia *memei* [memang] *nok* [nak] mengekalkan konsep warisan tradisional *tu* (itu) *nok* [nak] menggunakan kayu-kayu *hok* [yang] digunakan *doh* [sudah] untuk—guna dinding yang terpakai, *bare-bare* [barang-barang] terpakai untuk—untuk bina benda *ni* (ini). (Bunyi guruh)

**ANR :** Mana dah soalan.

**RMS :** *Saloh* [salah] *heh* [ke] jawab ?

**ANR : Eh betul-betul (ketawa). Berapa buah seksyen atau bilik yang ada dalam perpustakaan ini ?**

**RMS :** Okay, untuk sudut perpustakaan sendiri kita ada tiga seksyen. Okay, kalau macam bahagian bawah [bawah] untuk koleksi bahan bacaan untuk buku dengan *sotkobar* [surat khabar]. *Kalu* [kalau] *macei* [macam] untuk ruang “study” (belajar), ruang be—ruang membaca untuk kanak-kanak budak *sekoloh* [sekolah] *gapo* [apa] dibahagian kanan ni (ini) (sambil tangan menunjuk ke kanan) okay, *kalu* [kalau] untuk “student” (pelajar) PhD (pangkat), Master (pangkat) kita bagi guna bilik mesyuarat lah untuk ruang “study” (belajar) dia orang.

**ANR : Ramai ke (kah) budak study (belajar) PhD (pangkat), Master (pangkat) datang sini ?**

**RMS :** Aaa (batuk), *kalu* [kalau] nak *oyak* [cakap] ramai *tuh* [itu] tak *rama* [ramai] tapi *meme* [memang] *ado* [ada] *kalu* [kalau] macam tiap-tiap hari *tu* [itu] adalah *dale* [dalam] dua orang, tiga orang tiap-tiap hari *tu* [itu] *meme* [memang] ada *ore* [orang] mari.

**ANR : Okay. Okay, apakah 3R dalam konteks peman—pemahaman puan ?**

**RMS :** Okay 3R ni kea [kan] dia Reduce, Reuse, Recycle (Kitar Semula) okay. Reduce (kurangkan) tu (itu) dia pengurangan—pengurangan macam pengurangan elektrik ko [ke] haa okay. Macei [macam] contohnya kalau tempat ni (ini) aaaa kita buat aaa jendela besar nok—aa aa takdok [tak ada] lah guna aircond (penghawa dingin) sangat, maybe (mungkin)

kalau panas sangat kita guna kipas jah [sahaja] gitu [begitu]. Kalu macei [macam] reuse (guna semula) kita guna semula—kita guna semula tu (itu) contohnya sini aaa kita guna dinding terpakai daripada ore [orang] huk [yang] toksei [tak nak] toksei [tak nak] dah (sudah) nak tohok [buang] tu (itu) gapo [apa] macam aa lantai boling kita guna sebagai lantai perpustakaan ni (ini) okay. Untuk kitar semula recycle (kitar semula) *tu* (itu) okay kita gunakan kayu hok [yang] ore [orang] toksei [tak nak] guna *dah* (sudah) sebagai rak aaa rak buku kita ha'a (mengangguk).

**ANR :** Okay dekat bangunan ini banyak pakai kayu-kayu. Ada tak kayu yang kadang-kadang nampak elok tapi bila pakai macam reput ke ?

**RMS :** Okay aaa. Keseluruhannya masa—*memei* [memang] kebanyakan bahannya biasalah bahan lama ni (ini) *memei* [memang] masa kita guna *tu* (itu) dia okay *jah* (saja), tapi aaa sebab faktor cuaca, faktor alam sekitar lah *huk* [yang] menyebabkan kayu *tu* (itu) rosak, reput adalah *gitu* (begitu) jadi kita kena ganti *huk* (yang) baru.

**ANR :** Kenapakah bangunan ini ditubuhkan menggunakan konsep 3R ?

**RMS :** Mengapa, sebabnya kita nak mengu—*gapo* [apa] mengurangkan pembaziran aaa kita *gano* [bagaimana] eh aaa em *toksei* [tak nak] lah *ore* [orang] “especially” (terutamanya) *ore* [orang] dekat dengan kawasan *Mache* (Machang) ini *buwe* [buang], *tohok* [buang] *gitu* [begitu] *jah* (sahaja) aaa kayu-kayu aaa dinding rumah lama huk [yang] terpakai ini kalau boleh guna itu seeloknya guna lah lagi *macei* [macam] kan tak *molek* [elok] *jugak* (juga) untuk kalau dia bakar itu ozon kita

menipis *gapo* [apa] jadi cuaca pun *koho* [makin] *panah* [panas] *gapo* [apa] macam tak *molek* [elok] lah.

**ANR :** **Dari—dari manakah datangnya idea untuk menggunakan 3R ini dari puan sendiri ke ?**

**RMS :** Okay idea asalnya daripada Tuan Haji Zulkifli Mamat sendiri lah pengasas “library” (perpustakaan) *ni* [ini].

**ANR :** **Okay adakah semua bersetuju untuk menggunakan 3R untuk bangunan Perpustakaan Al-Fateh ? Macam tak ada ke—aa cadangan lain or (atau) atau ada orang yang bantah ke ?**

**RMS :** Okay, setahu saya *takdok* [tak ada] *ore* [orang] bangkang pun cadangan ini sebabnya bagi saya sendiri *memei* [memang] *moleklah* [eloklah] usaha ini *gapo* [apa] nak menyelamatkan benda-benda ini daripada terus pupus *jah* [saja] *gitu* (begitu) sebab kan benda ni kan dia ada “value” (nilai) sendiri *sayey* [sayang] lah tiba-tiba kita bakar *jah* [sahaja] *gitu* [begitu] kan. Jadi lebih baik kita simpan mungkin bina baru *supo* [seperti] “library” (perpustakaan) *pastu* (lepas itu) boleh tunjuk ke generasi akan *date* [datang].

**ANR :** **Siapakah yang terlibat dalam pengurusan 3R ini ?**

**RMS :** Boleh ulang balik *soale* [soalan] *dok* [tak] ?

**ANR :** Boleh-boleh. Siapakah yang terlibat dalam pengurusan 3R.

**RMS :** Okay *huk* [yang] yang terlibat dalam urusan—dalam mereliasasikan benda ini jadi 3R ini kita kita ada emm kita ada jawatankuasa kita lah jadi nya aaa sesama ahli jawatankuasa ini kita *ake* [akan] bertukar fikiran kiranya bagi pendapatlah, *hukni* [yang ini] sesuai *lagu* [macam] mana tapi *gak* (juga) dari persetujuan pengasas sendirilah.

**ANR :** Boleh puan kongsikan apa bahan-bahan yang digunakan untuk 3R ini ?

**RMS :** Okay *kalu* [kalau] untuk bahan 3R ini aaa *macei* [macam] saya ada *royak* [bagitahu] *dah* (sudah) tadi kita ada guna lantai boling untuk dijadikan sebagai lantai perpustakaan ini lepas itu kita ada *guno* (guna) din—dinding daripada rumah lama kita bina semula jadi dinding perpustakaan ini lepas itu kita ada-- okay kalau *macei* [macam] meja “study” (belajar) kita ini kalau dalam bilik “meeting” (mesyuarat) kalau *dale* [dalam] dekat ruang bacaan bawah itu semua kita guna kayu balak. Jadi ha’aa-- lagi okay tiang daripada tiang lama juga a—atap pun ad-- *memei* [memang] *huk* [yang] ada kita ambil *huk* [yang] *molek-molek* [elok-elok] daripada *huk* [yang] *ore* [orang] guna dah lah. Okay *kalu* [kalau] macam tingkap pun kita *huk* [yang] *ore* [orang] *toksei* [tak nak] *dah* [sudah] *huk* [yang] kiranya terpakai lah. Jadinya kalau nak *oyak* [cakap] pun “almost” (hampir) lapan puluh per sen (80 peratus) pembinaan perpustakaan ni memang guna barang terpakai lah. Sikit saja *bare-bare* [barang-barang] baru itu.

**ANR :** Adakah ia memakan belanja yang tinggi ? Macam contoh untuk maintenance (penyelenggaraan) ke.

RMS : Memakan belanja yaang tinggi itu kalau dari segi “maintainance” (penyelenggaraan) adalah tapi nak spesifik berapa itu Kak Ida tak pasti sangat lah.

ANR : **Bagaimanakah cara puan untuk mengekalkan ketahanan perpustakaan dengan penggunaan 3R ini ?**

RMS : Okay *macei* [macam] nak mengekalkan ketahanan perpustakaan ini, okay kalau macam kalau sini kena buat ini lah, pemeliharaan dan pemuliharaan *sokmo*[selalu]. Kiranya *memei* [memang] kena “check” (periksa) *sokmo* [selalu] lah benda itu macam contoh lah tak, *macei* [macam] aaa kena “check” (periksa) lah kayu apa, dinding “maybe” (mungkin) ada reput ke *gapo*[apa] kita kena carilah bahan ganti dia walaupun bahan ganti dia itu kadang-kadang susah nak dapat *gapo* [apa] kita kena baiki juga lah haa *macei* [macam] kalau atap bocor *gapo* [apa] itu kita kena tu—panggil orang ganti atap lah sebab kalau macam atap itu kita beli *huk* [yang] baru dah jadi *macei* [macam] tak ada masalah untuk dapatkan atap tu. Okay kalau *macei* [macam] lantai kalau kena huj—kebelakangan ini dia banyak kena *huj*[hujan] *gapo*[apa] adalah itu huk reput-reput *memei*[memang] kena baiki lah aaa *ho* [ya] jadi nya *ho* [ya] me—(ketawa) kena baikilah.

ANR : **Okay kalau macam nak baiki lantai itu akan beli baru atau cari “supply” (menyediakan) daripada mana-mana ke ?**

RMS : Mmm buat masa sekarang kita kan guna lantai bowling jadi kalau *macei* [macam] reput ke apa tu *macei* [macam] nak cari lantai bowling yang terpakai ini *macei* [macam] susah juga lagipun dia pun berat *gapo* [apa] *memei* [memang] kita ganti dengan papan *gitu* [begitu] *jah* [saja]. Haa



buat masa *lenie* [sekarang] lah

**ANR :** Adakah dengan konsep 3R ini membantu dalam menambatkan struktur bangunan ini ?

**RMS :** Okay kalau *macei* [macam] guna bahan 3R ini biasalah “Reduce” “Reuse” “Recycle” ini kita guna barang lamo doh , bare hok ore guno doh. Jadi kena paham-paham sendirilah barang itu tak *supo*[sama] lah huk baru cumanya kalau kayu lama dengan gapo papan lama gapo ini dia *memei* [memang] tahan lama lah okay kalau *macei* [macam] buat masa *lonie* [sekarang] aaa kekangan nak memelihara dan memulihara benda itu lah huk jadi kekangan sikitnya *macei* [macam] kalau dia rosak itu nak cari baru itu *payoh* [susah] gapo *payoh* [susah] dah *so*[satu] lepas itu kos nak dapatkan benda itu pun kena ambil berat juga lah

**ANR :** Okay tadi puan ada sebut pasal pemuliharaan, untuk kayu untuk proses pemuliharaan itu ada buat syelek ke macam mana

**RMS :** Okay untuk kayu itu kita memang ada buat syelek lah aaa kiranya, kan dengan syelek itu kayu itu pun akan tahan lamo sikit berbanding huk tak syelek ini jadi *meme* [memang] *molek*[elok] syelek lah kalau untuk 3R ini.

**ANR :** Okay bagaimana pula kah bangunan ini direka ben—direka bentuk ? Ada spesifik designer atau kenalan-kenalan sendiri ke.

**RMS :** Okay setahu saya reka bentuk sepenuhnya perpustakaan ini daripada Tuan Haji Zulkifli Mamat sendirilah *memei* [memang] idea has-- *memei*

[memang] dia sendiri buat plan itu.

**ANR :** **Apakah spesifik rekaan atau idea bangunan ini ?**

**RMS :** Okay untuk spesifik rekaan idea sendiri ini, okay idea ini *memei* [memang] original dari Tuan Haji Zulkifli Mamat lah, okay jadi rekaan huk sebetetul-betulnya *memei* [memang] konsep tradisional melayu tapi bila dah buat-buat itu ada juga campuran pada *gapo* daripada binaan lain juga dia bukan—dia macam campuran lah juga ada daripada negeri lain bukan kata Kelantan saja, ada daripada Terengganu, macam ukiran itu ada daripada Terengganu *macei* [macam] ada itu ada daripada Thailand *macei* [macam] dia ada campur-campur lah sikit

**ANR :** **Kiranya semua ada eh (ketawa). Okay kenapa memilih untuk menubuhkan bangunan ini daripada kayu ?**

**RMS :** Okay sebabnya nak menubuhkan bangunan ni daripada kayu sebab utama dia sebab nak selamatkan kayu-kayu *memei* [memang] *memei* [memang] sayang lah kayu-kayu itu terbuang terbiar gitu jah *memei* [memang] nak aaa aaa *memei* [memang] *toksei*[taknak] lah kalau boleh *memei* [memang] *toksei* [taknak] membazir kayu-kayu itu *memei* [memang] nak guna selagi boleh guna kita guna

**ANR :** **Aaa mm bangunan ini banyak guna kayu, tak ada masalah anai-anai ke macam mana ?**

**RMS :** Okay buat masa *leni* [sekarang] kita tak ada masalah anai-anai tu

selamat lagi lah buat masa ini.

**ANR :** **Apakah perpustakaan yang berasaskan bahan kitar (3R) akan kukuh ?**

**RMS :** Buat masa *leni* [sekarang] bagi saya kukuh jah apa aaa kayu dia pun aa kukuh jah dengan tiang pun aa tak tahulah akan da—masa akan datang tu gane tapi kalau kita *sokmo* buat pemeliharaan dan pemuliharaan insya Allah kukuh lah bolehlah untuk generasi akan datang tengok tu.

**ANR :** **Apa yang saya tahu, barang terpakai susah untuk didapati. Adakah puan ada menerima sumbangan barang-barang terpakai dari mana-mana ?**

**RMS :** Okay kalau untuk barang terpakai ini kalau untuk pembinaan ini sendiri *macei* [macam] kalau untuk macam dinding macam tingkap macam *nelo* [tingkap] apo ni kebanyakannya daripada sumbangan orang ramai macam dia ada rumah lama dia *toksei*[taknak] duduk rumah itu sebab rumah kayu jadi dia orang “volunteer” bagi kita kadang-kadang itu dia orang *toksei* [tak nak] dia orang nak jual jadi kita akan beli lah benda itu jadi gitulah merata-rata tempat bukan *so* [satu] tempat jah jadi kita akan kalau ada situ kita ambik situ, kalau ada sini kita ambil sini

**ANR :** **Maksudnya barang-barang terpakai ini diberi percuma pun terima yang ada bayaran pun diterima.**

**RMS :** Ya betul

**ANR :** Boleh sa—okay adakah kawasan lain tidak sesuai untuk mendirikan bangunan perpustakaan ini ?

**RMS :** Aaa mm maksudnya itu *lagu* [macam] mana eh ?

**ANR :** Okay contohnya macam banyak kawasan lain boleh buat bangunan ini, (bunyi suara orang) selain dekat kawasan hutan sini kan macam banyak kera apa tu.

**RMS :** Okay okay maksudnya *bakpo* [kenapa] kita buat perpustakaan sini. Okay salah satu sebabnya kalau dekat kawasan ini rasanya takda pun perpustakaan jadi kalau *macei* [macam] kalau penduduk sini pun dia kalau *macei* [macam] nak pergi “library” dia kena pergi paling dekat Pustaka Desa dekat Pulau Chondong itu *macei* [macam] -- *macei* [macam] jauh la kalau *macei* [macam] jadinya hasrat Tuan Haji Zulkifli Mamat dia *memei* [memang] nak anak mukim dia tu rajin baca lepas *gok* [juga] ada tempat—ada tempat untuk belajar tem—macam tak pergi main *kokse* [bukan-bukan] *memei* [memang] rasanya sini lah rasanya paling strategic sebabnya dia *macei* [macam] kalau dekat kawasan ni pun dia *macei* [macam] duduk tengah-tengah

**ANR :** Okay apakah teknik yang digunapakai untuk melindungi bangunan ini supaya tidak mengalami kerosakkan semasa bencana seperti banjir atau sebagainya?

**RMS :** Mmm okay untuk melindungi bangunan ini supaya tidak mengalami kerosakan semasa bencana seperti banjir ini okay *macei* [macam] Kak Ida *oyak*[bagitahu] tadi kita syelek *sokmo* [selalu] kayu-kayu sini jadi

dia *macei* [macam] tahan lama lah pada usia dia. Okay aaa lepas itu teknik lain itu ras—Kak Ida rasa ada cumanya sekala tu “maintenance” tu buat semua itu Kak Ida tak pastilah teknik tu nama *gapo* [apa]

**ANR :** Tadi puan ada sebut pasal usia, ada kah barang-barang yang dipakai dekat sini dah sangat berusia contoh macam dah satu ratus [100] tahun ke

**RMS :** Okay untuk spesifik usia itu Kak Ida tak pasti sangat tapi kalau *macei* [macam] contohnya pintu istana kita sini jadinya tiang ni huk kita guna ni tin—tingkap ni *memei* [memang] kita—setahu Kak Ida nya *memei* [memang] diambil daripada rumah aa rumah orang dulu-dulu jadinya *memei* [memang] berusia lah benda ini

#### TAMAT BAHAGIAN E

#### BAHAGIAN F: KONSEP BANGUNAN

**NSR :** Okay. Baiklah puan, untuk konsep bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ini, boleh Puan Roslida ceritakan dengan lebih jelas mengenainya. Em apakah konsep perpustakaan ini ?

**RMS :** Okay, konsep aaa Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ini adalah konsep warisan tradisional jadi kalau untuk perpustakaan ini kita lebih kepada perpustakaan sejarah lah sebab aa sebabnya *macei* [macam] kira nya—sebenarnya kita nak lebih kepada fokus kepada sejarah Sultan Muhammad Al-Fateh ini.

**NSR :** Okay. Apa adakah apa-apa cadangan penggunaan konsep lain sebelum ini ?

**RMS :** Setahu saya *takdok* [tak ada] *cadange* [cadangan] konsep lain selain daripada konsep warisan tradisional ini.

**NSR :** *Takdok*[tak ada] eh. Okay, tak apa. Daripada manakah koleksi Sultan Muhammad Al-Fateh ini diperolehi ? Dari internet ke, buku ke.

**RMS :** Okay, kalau koleksi Sultan Muhammad Al-Fateh ini, kita *takdok* spesifik sumber jadinya saya banyak kumpul daripada buku-buku, daripada “thesis” kertas *kijo* [kerja] *ore* [orang] sebelum ini, lepas itu dekat internet itu adalah tengok sikit-sikit sebab kan *payoh* [susah] juga kan nak tengok sumber yang dipercayai daripada internet itu.

**NSR :** Oh, kiranya tadi macam puan bagitahu tadi buat apa ini, “frame” macam dekat muzium itu kiranya “based on” daripada buku lah?

**RMS :** Haa betul kita *macei* [macam] “summary” (ringkasan) daripada buku.

**NSR :** Siapakah yang memberi idea untuk menamakan perpustakaan ini ?

**RMS :** Okay yang bagi idea itu pengasas “library” (perpustakaan) ini sendiri lah Tuan Haji Zulkifli Mamat

**NSR :** **Apakah keistimewaannya memberi nama perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh ? Kenapa tidak nama lain ?**

**RMS :** Okay em *macei* [macam] jawapan saya sebelum ini okay kita gunakan Sultan Muhammad Al-Fateh ini sebagai “role model” (idola) dekat perpustakaan ini jadi kita *memei* [memang] ambil-- *memei* [memang] nak ambillah semangat dia itu untuk—diaplikasikan untuk kegunaan harian kita.

**NSR :** **Apakah objektif penubuhan bangunan ini ?**

**RMS :** Okay, objektif penubuhan perpustakaan ini, okay kita nak—okay keba—*gapo* [apa] kita nak kumpul *behe-behe* [bahan-bahan] buku-buku semua bahan-bahan bacaan itu biar duduk setempat sini *jah* [saja]. Biar jadi *macei* [macam] mudah biar orang ramai nak mari itu boleh rujuk sini *jah* [saja]. *Macei* [macam]— untuk makluman *macei* [macam] buku-buku sini itu *memei* [memang] daripada sumbangan orang ramai daripada YB (pangkat) sendiri jadi *macei* [macam] kita kumpul setempat sini lah *macei* [macam] tak adalah dia orang itu buang *merato-rato* [merata-rata] buku *toksei* [tak nak] pakai dah itu jadi kita kumpul sini. *Bias* [tempias] *kei* [kan]. Maaf ya, okay objektif yang lainnya kiranya kita nak membantu pelajaran dan pendidikan kepada semua golongan pelajar, pendidik kiranya *huk* [yang] “especially” (terutamanya) *huk* [yang] ada dekat kawasan terdekat ini lah. Jadinya, kiranya dia orang boleh guna tempat ini tak kiralah dia orang nak guna buku-buku sini sebagai rujukan kea tau nak manfaatkan tempat ini sebagai tempat buat kerja *ko* [ke] haa *gitu* [begitu]. Lepas itu emm, kita nak—okay objektif penubuhan tempat ini pun untuk mempromosikan negeri Kelantan ini sebagai medium perkongsian ilmu. *Pah* [lepas itu]

so [satu] lagi nya disebabkan tempat ini *macei* [macam] unik *macei* [macam] tradisional begitu kiranya bolehlah nak jadikan sebagai salah satu tempat pelancongan yang menarik di Kelantan.

**NSR :** **Okay, selain objektif, apa ada visi dan misi bangunan ini yang ingin dicapai.**

**RMS :** Okay untuk visi, visi perpustakaan ini adalah untuk menjadi pusat pengumpulan kepada bahan rujukan untuk generasi akan datang untuk dia orang biar dia orang ini senang nak akses lah nak—ada tempat mana nak tuju mana nak dapatkan bahan rujukan itu. Okay untuk misi, misi dia kita nak merealisasikanlah tempat ini sebagai tempat pengumpulan koleksi negri Kelantan lepas itu *memei* [memang] nak memupuk semangat minat membaca dikalangan penduduk setempat khususnya kawasan Joh ini dan umumnya penduduk negeri Kelantan ini sendirilah. Lepas itu, kiranya kita nak membangunkan prasarana perpustakaan itu lebih selesa, lebih kondusif *macei* [macam] sediakan pelbagai perkhidmatanlah untuk orang awam.

**NSR :** **Kenapa mesti memilih idea perpustakaan sedangkan sejarah Al-Fateh ini boleh dikenali dengan menubuhkan muzium, atau galeri atau apa-apa bangunan lain ?**

**RMS :** Okay idea asal Tuan Haji Zulkifli Mamat ini pun dia memang ada terfikir dia kata nak buat muzium. Bila dia fikir-fikir balik dia kata kalau muzium orang *macei* [macam] mari orang mari semata-mata untuk tengok pameran *jah* [saja] *macei* [macam] kita ten—kita *sokmo* [selalu] pergi muzium itu kan, kita tengok orang nak semata-mata untuk pameran *jah* [saja]. *Pah* [lepas itu] *gak* [juga] kalau tak ada pameran



*macei* [macam] sunyi lah orang tak guna mana tempat itu jadinya dia nak buat nya nak wujudkan tempat *huk* [yang] orang ramai boleh guna *macei* [macam] kalau perpustakaan ini selain daripada buku, baca buku boleh *jah* [saja] nak guna untuk “meeting” (mesyuarat), untuk seminar ke, untuk kursus ke, untuk *macei-macei* [macam-macam] benda boleh buat *macei* [macam] kalau muzium itu tak sesuai lah pulak nak lepak-lepak *gapo* [apa] haa *gitu* [begitu].

**NSR :** Pada pendapat puan, apakah yang menjadi tarikan terhadap bangunan ini, macam contoh tadi puan ada bagitahu pasal ada orang buat majlis sanding dekat sini, mengapa ?

**RMS :** Okay, apakah keistimewaan bangunan ini?

**NSR :** Yang menjadi tarikan.

**RMS :** Yang menjadi tarikan kepada orang—pengunjung untuk mari sini adalah kerana reka bentuk bangunan ini sendirilah *macei* [macam]—dia kan berkonsepkan warisan tradisional jadi *memei* [memang] orang daripada luar itu pun dia lalu *jah* [saja] dia akan tengok wah (terpegun) comelnya rumah ke *gape* [apa] ini. Orang taktahu, tak nampak lagi “signboard” (papan tanda) itu dia rasa macam eh nak masuk lah nak tengok, nak ambil gambarlah *macei* [macam] walaupun taktahu benda itu “library” (perpustakaan) dia akan mari nak “selfie” (swafoto) apa jadi macam menarik minat da orang itu. Rasanya itulah keistimewaan dia itu nak mari. *Macei* [macam] contohnya sebelum ini ada *jah* [saja] orang buat majlis persandingan sini. Orang Korea menikah dengan orang Malaysia, jadinya dia buat majlis sini. Jadinya secara tak lansung kita boleh tunjuklah dekat orang Korea itu *gape* [apa] konsep

tradisional, budaya melayu kita apa lagipun dia *memei* [memang] sanding cara tradisional lah, pakai baju tradisional, makan pun *memei* [memang] makan budu *gapo* [apa].

**NSR :** **Siapa nama pasangan tersebut ?**

**RMS :** Kalau tak silap saya, nama dia Lee Sul dengan Khalid Ismail lah *hok* [yang] viral dalam *gapo* [apa] *dale* [dalam] orang Korea kahwin di Malaysia itu kan.

**NSR :** **Okay (berdehem) apakah keistimewaan Sultan Al-Fateh kepada bangunan ini ?**

**RMS :** Keistimewaan Sultan Al-Fateh kepada bangunan ini (batuk) mmm mmm kita ambil semangat dial ah, kita ambil semangat dia, semangat juang dia untuk tawan Kota Constantinople itu lah. Insyallah boleh aplikasi dalam kehidupan seharian kita.

**NSR :** **Sebab itulah dia jad— menjadi ikon untuk bangunan ini ya. Diantara banyak sejarawan, mengapakah Sultan Al-Fateh dipilih ?**

**RMS :** Okay, sebabnya—salah satu sebabnya dia adalah sejarawan sejarawan, okay. Okay, sebab Sultan Muhammad Al-Fateh dipilih ini, sebab salah satunya dia adalah sejarawan islam, lepas itu Tuan Haji Zulkili—Zulkifli Mamat sendiri dia *memei* [memang] minat sangatlah ke Sultan Muhammad Al-Fateh ini *memei* [memang] *sokmo* [selalu] baca pasal dia *memei* [memang] ambil semangat dia lah dalam kerja buat dia.

## TAMAT BAHAGIAN F

### BAHAGIAN G: PESANAN DAN HARAPAN

ANR : **Sekarang kita ke bahagian yang terakhir ya puan. Aa iaitu bahagian mengenai harapan puan serta pesanan untuk orang luar terhadap bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh. Aa apakah harapan puan pada Perpustakaan Al-Fateh pada masa akan datang ?**

RMS : Okay, aaa.. harapan saya, emm pada masa akan datang ni lagi rama la ore tau pasal kewujudan aaa Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ni.. Okay, ore aa bila ramai pengunjung tu okay, aaaa bila ramai pengunjung mari tu secara automatik dio ore akan aaa nampaklah aaa warisan aaa ko aaa warisan tradisional hok ada sini tu, jadi aaa maknanya biar benda ni aaa berterusan lah, wujud lagi lah untuk generasi akan datang, biar tempat ni boleh jadi rujukea [*rujukan*], biar *dio ore* [dia orang] boleh memaximise [maksima] kan huk *gapo* [yang apa] guna *semaksimun* [maksimum] haa tempat ni untuk benda-benda huk *molek* [yang baik] lah.

ANR : **Aaa adakah puan setuju atau mengesyorkan bangunan ini digunakan pada masa akan datang untuk menganjurkan apa-apa majlis atau apa-apa program ? Aaa**

RMS : Okay aaa buat pengetahuannya *memei* [memang] aaa Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ni kita *memei sokmo* [selalu] buat majlis, membuat program, *memei* buat kursus, *memei* mengalu-alukan orang

*rama* [ramai], *gapo-gapo* [apa-apa] aktiviti pun sini. Jadi, *memei* kita sediakan aaa ruang legar untuk *ore* [orang] buat program *memei*, se aaa *gapo* [apa] *kalu* [kalau] buat program. Kalau buat program sini tu *memei macei* [macam] aa untuk aaa kiranya mudah lah boleh duduk homestay sini sekali, haa (senyum) jadi aaa *memei*.. *memei* kita sangat-sangat suka lah *ore maghi* [mari] buat program sini jadi kira memeriahkan tempat ni lagi.

ANR : **Contoh kalau macam emm dalam masa yang sama tu ada banyak program atau agensi luar nak datang sini. Aa sini kan macam terhad, so [jadi] macam mana ? Nak tolak ke ?**

RMS : Okay. Kebiasaannya aaa Kak Ida buat konsepnya "*First Come, First Serve*" lah a'aa.

ANR : **Apakah puan berharap perpustakaan ini akan dikenali sebagai salah satu ikon yang akan membantu pelajar dalam penguasaan sejarah ?**

RMS : Aaa, *k* [okay]. *Memei* saya berharaplah perpustakaan ini boleh jadi *kea*[kan] sebagai ikon untuk membantu pelajar dalam penguasaan sejarah emm sebab *nyo* [nya] *gapo* [apa], dengan seni bina dia, dengan.... semangat Sultan Muhammad Al-Fateh *huk* [yang] kita *ambik* [ambil], dengan.... aaa kiranya aaa biar dia orang generasi akan datang *nih* [ini], tahu pasal sejarah aaa sejarah Al-Fateh aaa.. *gapo* [apa] sejarah aaa em sejarah melayu kita sendiri lah.

ANR : **Apakah perancangan puan untuk masa akan datang ?**

RMS : Okay, untuk perancangan masa akan datang ni, okay aaa kalau untuk Tuan Haji Zulkifli Bin Mamat sendiri pun, dia memang nak tempat ni makin dikenali aaa tak kira daripada dalam negara, luar negara biar ramai lagi pelancong, pelancong-pelancong luar tu mari duduk sini, rasa sendiri *gano* [bagaimana] aaa *gano* [bagaimana] duduk *dale* [dalam] sesuana kampung dalam kawasan tradisional ni oh okay. Lepas tu, kalau [*kalau*] bagi saya sendiri, saya nak tambahkan lagi lah perkhidmatan *hok-hok* [yang-yang] boleh aa hok boleh bagi kepada masyarakat setempat lah, macam biar dia ore lagi *seleso* [selesa], lagi nak mari *sokmo* [selalu] de-- dekat perpustakaan ni aaa em.

ANR : **Aa tak ada perancangan ke, macam nak munculkan Perpustakaan Al-Fateh ni dalam TV ke, lagi ramai—orang datang sini ke.**

RMS : Aaa. Mungkin akan datang lah, buat masa sekarang belum lagi.

ANR : **Puan ada apa-apa pesanan kepada orang awam tentang Perpustakaan Al-Fateh ?**

RMS : Okay aa, pesanan saya kepada orang awam ni tentang Perpustakaan Muhammad Al-Fateh aaa saya berharap lah aaa lagi ramai ore mari dekat Perpustakaan Al-Fateh ni aaa menggunakan tempat yang disediakan sebaik mungkin. Guna *jah* [je] *semuo* [semua] aa aaa kemudahan perkhidmatan yang ada ni aaa secara maksimum lah. Okay lepas tu, aaa kiranya-- aaa *gapo* [apa] biar ore ramai ni pun macam *gapo* mengekalkan lah warisan budaya kita sebabnya macam aaa *gapo*.. macam kalau sini pun dia kan seni bina dia kan macam aaa *gapo* dia kan

macam satu aspek warisan budaya *huk* [yang] macam boleh tunjukkan identiti kita dan kreativiti bangsa kita *kalu* [kalau] mari yelah, kalau boleh *gak* [juga] memei nak semua ore kenal lah Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ni.

ANR : **Okay, terima kasih, puan.**

#### **TAMAT BAHAGIAN G**

**Demikian tadi temubual mengenai pengalaman Puan Roslida sebagai pemilik bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh yang telah ditubuhkan pada tahun 2014 hingga kini. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama dan kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai sejarah bangunan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Semoga hasil rakaman ini dapat memberi maanfaat kepada pendengar penyelidikan dan generasi akan datang.**

# **RUJUKAN**

## **RUJUKAN**

(Roslida Mat Said, personal communication, 18 November, 2018)



# LAMPIRAN

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nur Syahira Binti Ab Rasid dan Afiqah Nurfarhana Binti Roslan bersama Puan Roslida Binti Mat Said yang dilahirkan pada 14 Oktober 1988 di Kuantan, Pahang. Temubual ini dijalankan pada 18 November 2018, bersamaan hari ahad, jam 2:00 tengahari di bilik mesyuarat Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh. Temubual yang dijalankan adalah mengenai sejarah bangunan Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh yang ditubuhkan pada tahun 2014.

Masa	Subjek	Nama/Tempat/Rujukan
<b>Bahagian A: Latar Belakang Diri</b>		
00:56 – 01:04	Umur dan asal Puan Roslida	Puan Roslida Binti Mat Said
01:10 – 01:32	Kediaman Puan Roslida	Labok, Machang
01:35 – 01:41	Bilangan adik beradik	
01:43 – 01:49	Status perkahwinan	Belum Berkahwin
00:18 – 00:26	Idola dan prinsip hidup Puan Roslida	P.Ramlee
<b>Bahagian B: Latar Belakang Pendidikan</b>		
00:12 – 00:36	Sekolah rendah -Menjadi ketua darjah -Keputusan UPSR cemerlang	Sekolah Kebangsaan Tanah Putih Baru Kuantan  Sekolah Kebangsaan Labok
00:40 – 00:50	Sekolah menengah	Sekolah Sains Machang
01:35 – 02:13	Pengajian tertinggi -Melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam dalam bidang asasi undang-undang -Menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat	Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam  Universiti Teknologi Mara Kampus Kedah
<b>Bahagian C: Kerjaya</b>		

01:40 – 01:49	Kerjaya awal (menjadi pustakawan)	Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh
01:14 – 02:13	Kerjaya terkini (pengurus dan pustakawan)	Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh
03:26 – 03:30	kesimpulan	Tamat perbualan
<b>Bahagian D: Sejarah Bangunan</b>		
00:10 – 00:32	Latar belakang bangunan Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Tuan Haji Zulkifli Mamat
00:33 – 00:41	Komponen Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Perpustakaan, rumah tamu dan hap perniagaan
13:48 – 13:57	Servis Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Homestay
<b>Bahagian E: Rekabentuk Bangunan</b>		
51.20 - 1:06.70	Keluasan bangunan	Tuan Haji Zulkifli Mamat
5:11.77 – 6:02.72	Konsep 3R	Tuan Haji Zulkifli Mamat
8:02.82 – 9:50.70	Bahan-bahan yang digunakan untuk pembinaan Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Tuan Haji Zulkifli Mamat
10:28.25 – 11:55.71	Cara mengekalkan ketahanan bangunan Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Puan Roslida Binti Mat Said
<b>Bahagian F: Konsep Bangunan</b>		
00:00 – 00: 49	Konsep bangunan	Tradisional
02:55 – 03:47	Objektif penubuhan	Tuan Haji Zulkifli Mamat
02:23 – 02:50	Keistimewaan memberi nama Sultan Muhammad Al-Fateh sebagai nama perpustakaan	Sejarawan Islam
09:48 – 10:17	Sumbangan Sultan	Berjaya menawan Kota

	Muhammad Al-Fateh	Constantinople
11:10 – 11:14	Kesimpulan	Tamat perbualan
<b>Bahagian G: Pesanan Dan Harapan</b>		
00:10 – 01:10	Harapan pada Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh
03:56 – 04:28	Penambahbaikkan atau penambahan perkhidmatan Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Tuan Haji Zulkifli Mamat
04:57 – 06:16	Pesanan kepada orang awam tentang Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Puan Roslida Binti Mat Said
06:17 – 06:18	Kesimpulan	Tamat perbualan

# **DIARI KAJIAN**

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
9:00 – 10:00	9 Oktober 2018	<b><u>Pencarian bangunan bersejarah</u></b> Mencari bangunan yang bersejarah di kawasan Machang	Membuat pencarian melalui carian di internet
8:00 – 8:30	10 Oktober 2018	<b><u>Panggilan Telefon</u></b> Membuat panggilan telefon kepada pengurus bangunan	Membuat panggilan untuk mendapatkan izin untuk menjalan kajian di bangunan terpilih
12:00 – 2:00	30 Oktober 2018	<b><u>Lawatan Bangunan</u></b> Mengadakan lawatan ke lokasi bangunan	Mengadakan lawatan ke tempat bangunan untuk lebih kepastian bangunan tersebut bersejarah.
1:00 – 1:30	1 November 2018	<b><u>Membuat penetapan tarikh temubual</u></b> Membuat perjanjian dengan pengurus bangunan Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh	Memutuskan tarikh tetap untuk sesi temubual tentang sejarah bangunan Perpustakaan Sultan Muhammad Al-Fateh
2:00 – 6:00	18 November 2018	<b><u>Perjumpaan bersama pengurus bangunan</u></b> Sesi temubual dimulakan	Sesi temubual dilakukan bermula Bahagian A sehingga selesai Bahagian G

# **SENARAI SOALAN**



Berikut adalah temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh saya sendiri Nur Syahira Binti Ab Rasid bersama rakan saya Afiqah Nurfarhana Binti Roslan kepada Puan Roslida Mat Said mengenai sejarah bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh yang diusahakannya. Temubual ini dijalankan di \_\_\_\_\_ pada 18 November 2018.

## **SOALAN-SOALAN TEMUBUAL BERSAMA PUAN ROSLIDA MAT SAID**

### **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG**

Assalamualaikum Puan Roslida. Bolehkah kita mulakan sesi temubual kita sekarang pada hari ini. Baiklah puan, kita mulakan sesi temubual pertama kita tentang latar belakang Puan Roslida. Bolehkah Puan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Puan?

1. Boleh saya tahu nama penuh puan ?
2. Puan ada nama gelaran ke ? (Contohnya : CikSiti, Ti)
3. Pada bulan dan tahun berapa puan dilahirkan?
4. Puan dilahirkan dimana ?
5. Dimanakah puan dibesarkan ?
6. Puan menetap dimana sekarang ?
7. Puan anak keberapa daripada berapa orang adik-beradik ?
8. Puan ada berapa orang anak ?

### **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL**

Okay baiklah puan, kita akan meneruskan sesi temubual kita dengan bahagian kedua seterusnya iaitu mengenai sejarah pendidikan awal dan kerjaya terkini Puan Roslida.

9. Dimanakah puan bersekolah rendah dan pada tahun berapa ?
10. Puan bersekolah menengah dimana dan pada tahun berapa ?

11. Puan pernah memegang apa-apa jawatan ketika sekolah dulu ? (Sekolah rendah & menengah)
12. Apa pencapaian tertinggi yang pernah puan dapat masa sekolah ?
13. Setelah puan habis persekolahan, adakah puan menyambung pengajian ke peringkat lagi tinggi ?
14. Boleh saya tahu puan menyambung pengajian dimana ?
15. Apa kenangan yang paling manis ketika puan belajar ?
16. Apa rahsia kejayaan puan untuk sampai ke tahap yang membanggakan ?

#### **BAHAGIAN C: KERJAYA TERKINI**

Jadi saya ingin meneruskan lagi dengan bahagian tentang kerjaya terkini puan yang puan perolehi sekarang. Seperti apa yang saya sedia maklum, rahsia kejayaan puan mestilah disebabkan dari inspirasi orang-orang terdekat dan idola.

17. Siapakah idola yang puan sukai ?
18. Mengapakah puan jadikan beliau sebagai idola puan ?
19. Apakah pekerjaan tetap puan sekarang ? (Jika ada)
20. Bilakah puan memulakan karier puan di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ?
21. Apakah jawatan yang puan sandang di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ?
22. Mengapakah puan memilih untuk bekerja di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ? Apa sebab utama ?
23. Puan ada bergiat aktif dalam bidang-bidang lain selain di Perpustakaan Muhammad Al-Fateh kah ?

## **BAHAGIAN D: SEJARAH BANGUNAN**

Seterusnya kita beralih kepada bahagian mengenai sejarah bangunan atau asal usul kewujudan bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ini. Boleh Puan Roslida ceritakan dengan lebih jelas.

24. Boleh puan terangkan serba sedikit, apakah sebenarnya Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ?
25. Kenapa ia diberi nama sebagai Perpustakaan “Muhammad Al-Fateh” ?
26. Siapakah Muhammad Al-Fateh ?
27. Apakah nama asal perpustakaan ini ?
28. Pada tahun bilakah perpustakaan ini ditubuhkan ?
29. Perpustakaan ini dirasmikan oleh siapa dan pada tahu berapa ?
30. Siapakah yang memberi idea untuk menubuhkan bangunan ini ?
31. Apakah faktor-faktor utama bangunan ini ingin dibangunkan?
32. Berapa lama masa diambil untuk bangunan ini siap sepenuhnya?
33. Apakah sebab bangunan ini ditubuhkan?
34. Pada tahun bilakah bangunan ini dirancang untuk ditubuhkan?
35. Bilakah bangunan ini mula beroperasi penuh sebagai perpustakaan?
36. Kawasan apakah bangunan ini ditubuhkan dulu ?
37. Kenapa mesti memilih kawasan ini sebagai tempat untuk mendirikan perpustakaan?
40. Benarkah bangunan ini juga menyediakan perkhidmatan homestay?
41. Adakah semua sejarah sultan Al-Fateh diletakkan di dinding bangunan perpustakaan ini?

42. Apakah cara dan teknik yang digunakan untuk meletakkan sejarah tentang sultan Al-Fateh tersebut di bahagian dinding bangunan?
44. Adakah tapak pembinaan bangunan ini ada sejarah tentang Sultan Al-Fateh?
45. Adakah bangunan ini dibina untuk memperingati sumbangan Sultan Al-Fateh? Mengapa?
46. Bagaimana datangnya idea untuk meletakkan sejarah tentang sultan Al-Fateh di dinding perpustakaan dan mengapa?
47. Berapakah kos yang digunakan untuk menambah koleksi Sultan Al-Fateh ?
48. Selain bangunan perpustakaan ini, apa adakah bangunan lain yang ditubuhkan ?
49. Jika perpustakaan ditubuhkan berdasarkan sejarah Sultan Al-Fateh. Apakah kena mengena sejarah Sultan Al-Fateh dengan bangunan ini ?
50. Adakah anda mempunyai apa-apa masalah seperti kekangan atau rintangan ketika menubuhkan bangunan ini ?
51. Pernahkan bangunan ini menghadapi apa-apa kesulitan untuk meneruskan operasi?
52. Pernahkah bangunan perpustakaan ini dipecah masuk oleh orang yang tidak bertanggungjawab ?
53. Bagaimana penerimaan bangunan ini oleh penduduk setempat ?
54. Apakah jenis keselamatan yang digunakan ? (Menggaji pengawal keselamatan, CCTV)
55. Jika puan tahu, bolehkah puan kongsi dengan kami anggaran kos keseluruhan dalam pembinaan bangunan ini?
56. Berapa ramai pekerja yang diambil untuk membantu dalam menguruskan bangunan ini ?
57. Apakah tugas setiap pekerja di bangunan ini secara ringkas ?
58. Dalam anggaran berapa ramai atau banyak yang boleh puan nyatakan, orang awam tahu tentang bangunan perpustakaan ini ?

59. Puan ada membuat apa-apa promosi kah untuk membuat orang awam lebih mengenali perpustakaan ini ?
60. Pernahkah sesiapa atau orang-orang dikawasan bangunan ini mempersoalkan tentang kewujudan bangunan ini ? Ini kerana, kebanyakan orang tidak tahu tentang sejarah.
61. Puan, pernahkah bangunan ini mengalami apa-apa masalah seperti atap bocor atau sebagainya ? Apakah solusi untuk masalah itu ?
62. Semasa banjir teruk di Kelantan pada tahun 2014, adakah banjir tersebut memberi apa-apa kesan atau kerosakkan terhadap bangunan ini?

#### **BAHAGIAN E: REKABENTUK BANGUNAN**

Jika tadi puan ceritakan tentang sejarah bangunan itu ditubuhkan, seterusnya bangunan ini juga mestilah mempunyai reka bentuk menariknya yang tersendiri.

63. Bagaimana datangnya idea untuk menubuhkan bangunan ini?
64. Berapakah keluasan bangunan ini dan ia mempunyai berapa tingkat ?
65. Berapa buah seksyen atau bilik yang ada didalam perpustakaan ini ?
66. Mengapakah bangunan ini dibina seperti bentuk rumah tradisional? Idea siapakah?
67. Apakah 3R dalam konteks pemahaman puan ?
68. Boleh puan terangkan dengan lebih jelas apa itu 3R ?
69. Kenapa bangunan ini ditubuhkan menggunakan konsep 3R?
70. Dari manakah datangnya idea untuk menggunakan 3R ?
71. Adakah semua bersetuju untuk menggunakan 3R untuk bangunan perpustakaan Muhammad Al-Fateh ini ?
72. Siapakah yang terlibat dalam pengurusan 3R ?

73. Boleh puan kongsikan apakah bahan-bahan yang digunakan untuk 3R ini ?
74. Adakah ia memakan belanja yang tinggi ?
75. Bagaimana cara puan untuk mengekalkan ketahanan perpustakaan dengan penggunaan 3R ini ?
76. Adakah dengan konsep 3R ini membantu dalam menambatkan struktur bangunan tersebut ?
77. Bagaimanakah bangunan ini direka bentuk ?
78. Ada spesifik rekaan atau idea sendiri ?
79. Kenapa memilih untuk menubuhkan bangunan ini daripada kayu ?
80. Apakah perpustakaan yang berasaskan bahan kitar (3R) akan kukuh ?
81. Apa yang saya tahu, barang terpakai susah untuk didapati. Adakah puan ada menerima sumbangan barang-barang terpakai dari mana-manakah ?
82. Boleh saya tahu, jika ada apa-apa cas atau ianya percuma ?
83. Adakah kawasan lain tidak sesuai untuk mendirikan bangunan perpustakaan ini ?
84. Apakah teknik yang digunapakai untuk melindungi bangunan ini supaya tidak mengalami kerosakkan semasa bencana seperti banjir atau sebagainya?
85. Apakah cara untuk membendung daripada masalah seperti dinyatakan tadi dapat dielakkan ?

#### **BAHAGIAN F: KONSEP BANGUNAN**

Baiklah puan, untuk konsep bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ini, boleh Puan Roslida ceritakan dengan lebih jelas mengenainya.

86. Apakah konsep perpustakaan ini ?

87. Apakah cadangan penggunaan konsep lain sebelum ini ?
88. Dari manakah koleksi Sultan Muhammad Al-Fateh diperolehi ?
89. Siapakah yang memberi idea untuk menamakan perpustakaan ini ?
90. Apakah keistimewaannya memberi nama Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ?
91. Adakah puan pengasas pertama untuk Perpustakaan Muhammad Al-Fateh ?
92. Apakah objektif penubuhan ?
93. Selain objektif, apakah visi dan misi untuk dicapai ?
94. Kenapa mesti memilih idea perpustakaan sedangkan sejarah Al-Fateh boleh dikenali dengan memubuhkan muzium atau galeri ?
95. Pada pendapat puan, apakah yang menjadi tarikan terhadap bangunan ini? Mengapa?
96. Apakah keistimewaan Sultan Al-Fateh kepada bangunan ini ?
97. Apakah sumbangan Sultan Al-Fateh sehingga manjadi ikon untuk bangunan ini ?
98. Di antara banyak sejarawan, mengapakah Sultan Al-Fateh dipilih?

#### **BAHAGIAN G: PESANAN DAN HARAPAN**

Sekarang kita ke bahagian yang terakhir puan, iaitu bahagian mengenai harapan puan serta pesanan untuk orang luar terhadap bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh.

99. Apakah harapan puan pada Perpustakaan Al-Fateh pada masa akan datang ?
100. Adakah puan setuju atau mengesyorkan bangunan ini digunakan pada masa akan datang untuk menganjurkan apa-apa majlis atau program? Mengapa?

101. Apakah puan berharap agar perpustakaan ini akan dikenali sebagai salah satu ikon yang akan membantu pelajar dalam penguasaan sejarah ?
102. Apakah perancangan puan untuk masa akan datang ?
103. Adakah puan berhasrat untuk menambah cawangan lain ?
104. Puan ada apa-apa pesanan kah kepada orang awam tentang Perpustakaan Al-Fateh ?

Demikian tadi temubual mengenai pengalaman Puan Roslida sebagai pemilik bangunan Perpustakaan Muhammad Al-Fateh yang telah ditubuhkan pada tahun \_\_\_\_\_ hingga kini. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama dan kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai sejarah bangunan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Semoga hasil rakaman ini dapat memberi maanfaat kepada pendengar penyelidikan dan generasi akan datang.



# **SURAT PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Roslida Ingt Saif Pada 15/11/2018.

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apebila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

Prof. Madya Dr. Hj. Ghazali Osman,  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti  
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
& Fakulti Undang-Undang  
UiTM Cawangan Kelantan  
Kampus Machang.

# **SESI BERGAMBAR**



# INDEKS

## INDEKS

---

A

*Al-Fateh* 8,9,10,11,12,13,45,46,47

---

B

*Bangunan* 12,13,15,16,17

*Bahan* 21,22,23,31,32,34

---

K

*Kelantan* 3,2,11,27,36

*Korea* 14,44,45

---

P

*Perpustakaan* 6,8,9,10,11,20,26,31,36

---

T

*Tradisional* 10,15,30,37,40,41,43,44,45

# PERPUSTAKAAN MUHAMMAD AL-FATEH, MACHANG

PREPARED FOR:  
**MADAM NURUL ANNISA BT ABDULLAH**

PREPARED BY:  
• **AFIQAH NURFARHANA BT ROSLAN (2017275872)**  
• **NUR SYAHIRA BT AB RASID (2016598099)**

## WHAT?

✗ Perpustakaan Muhammad Al-Fateh is a library that built by defending the traditional Malay heritage concept

✗ The history about Sultan Muhammad Al-Fateh

✗ Made by recycle use things that use concept of 3R



# WHO?



**Puan Roslida Mat Said  
(Manager)  
Born at Kuantan, Pahang  
Stay at Labok, Machang**

# WHERE?




- ♥ Perpustakaan Muhammad Al-Fateh, Kampung Joh, Labok, 18500 Machang, Kelantan.



# WHEN ?

- ♥ The places are build in year 2014
- ♥ Launched on 29 May 2015 by Dato' Haji Mohd Amar Bin Abdullah (Deputy Minister of Kelantan)



# PREPARATION

## X Gather the ideas for preparing a question

- Make a research from Perpustakaan Muhammad Al-Fateh website and having an idea from Madam Anis about what to be ask.
- Change and adding the question with consultation for four times.

## X Make an appointment

- Contact Puan Roslida Mat Said to make an appointment for interviewing.
- Give her a question through WhatsApp for early preparation.
- There have some issues that Puan Roslida asking about the question in Section A-C that she think did not appropriate to answer.

## X Prepare an equipment for interviewing

- Asking friend, Nur Hidayah for a speaker/microphone to use during interviewing.

# INTERVIEW

- ✗ Some of the information did not clear
- ✗ Lack of information
- ✗ Missed important information
- ✗ Some of the answers are repeated

# EXPERIENCES

## BEFORE INTERVIEW

- ✗ Change places for 3 times to do Oral History
- There have no information that are needed and difficult to get
- ✗ The changing person for interviewing last minute.
- The actual person that we want to interview are suddenly not available and outstation for 3 months
- ✗ The date for interview keep changing due to the problems of time

# EXPERIENCES

## DURING INTERVIEW

**X Have a heavy rain and thunderstorm**  
**-Interviewee cannot hear our question clearly during the interview**

**X Keep pause during the interview because of the interviewee nervous**

**-Interviewee feels nervous and think give a wrong answer and information**


# EXPERIENCES

## AFTER INTERVIEW

**X Problems in transcribing**  
**-The "Kelantan" dialect**  
**-The interviewee speak too fast**  
**-The confusion of the spelling of the dialect**

**X Laptop sometime easy to stuck**  
**While typing a lots of text the laptop may stuck for a few times before it complete.**

**-The recording sounds sometimes stuck**



**THANKS!**  
**Any questions?**

